

**Jilid I
Bil. 79**



**Hari Isnin
31hb Oktober, 1983**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA


JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 11241]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 [Ruangan 11276]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1984 [Ruangan 11276]



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILL, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.N. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).

- Yang Berhormat TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

- Yang Berhormat DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 31hb Oktober, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**KLINIK DESA
DI NANGA KUMPANG**

1. **Tuan Andrew Janggi Muiyang** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian bercadang hendak membina sebuah Klinik Desa di Nanga Kumpang, Engkilili, Bahagian Kedua, Sarawak memandangkan ramainya penduduk di persekitaran kawasan ini yang amat memerlukan kemudahan perubatan seperti ini. Mereka tinggal jauh dari pekan dan tidak mempunyai cara pengangkutan yang cepat dan selamat apabila kecemasan dan tidak mempunyai jalan raya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San): Tuan Yang Dipertua, pada masa ini Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan dan peruntukan untuk membina sebuah Klinik Desa di Nanga Kumpang dalam jangka masa Rancangan Malaysia Yang Keempat.

Sebuah Klinik Desa telah pun ada di sebuah pekan yang berhampiran dengan Nanga Kumpang iaitu di Pekan Engkilili. Selain dari itu Nanga Kumpang juga dilawati oleh Klinik Bergerak daripada Engkilili dan

pesakit-pesakit dapat dihantar ke Hospital Daerah Simanggang sekiranya perlu.

**LANGKAH JIMAT CERMAT—
KEJAYAAN**

2. **Tuan Daud bin Dato' Haji Taha** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai untuk mengatasi keadaan ekonomi meleset dengan langkah-langkah berjimat cermat yang diamalkan oleh Kerajaan pada masa ini. Apakah kesan-kesan negatif dari segi pembangunan infrastruktur yang telah timbul disebabkan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan telah pada mulanya menyediakan belanjawan-belanjawan yang becorak "counter-cyclical" untuk mengatasi kesan buruk daripada kemelesetan ekonomi antarabangsa. Bagaimanapun ini tidak dapat diteruskan tanpa menjejaskan kedudukan kewangan Kerajaan, imbangan pembayaran negara dan seterusnya pertumbuhan ekonomi negara sendiri pada masa hadapan.

Untuk menentukan supaya kedudukan Kerajaan dan imbangan pembayaran negara tetap kukuh dan pertumbuhan ekonomi negara menjadi lebih baik pada masa hadapan, Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengurangkan menjadualkan semula perbelanjaannya terutama

sekali perbelanjaan pembangunan yang mana dibiayai dari punca-punca kewangan yang dipinjam dari dalam dan luar negeri.

Saya ingin menekankan di sini bahawa langkah-langkah berjimat-cermat ini telah diambil secara berhati-hati dan penuh teliti untuk memastikan supaya ianya tidak membawa kesan yang buruk ke atas rancangan sosio-ekonomi negara khasnya kepentingan golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu saya tidak nampak kesan negatif daripada langkah-langkah berjimat-cermat ini termasuk kesan negatif ke atas pembangunan infrastruktur yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk membenarkan pihak swasta melibatkan diri di dalam pembangunan infrastruktur dan setakat ini berapakah jumlah yang telah diberikan kepada pihak swasta?

Yang kedua, memandangkan saya sebagai Wakil Rakyat yang mengetahui kedudukan keadaan pengurangan pembangunan infrastruktur yang melibatkan kawasan saya, saya percaya tentulah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh memberitahu banyak manakah pengurangan perbelanjaan infrastruktur ini menyebabkan terbantutnya pembangunan-pembangunan di luar bandar?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, mengenai perkara pengswastaan seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ini adalah satu perkara yang masih dibincangkan dan belum ada apa-apa keputusan yang telah dibuat, hanya idea-idea sahaja yang sekarang dibincangkan untuk mengcrystalisekan sistem pengswastaan ini.

Soalan yang kedua mengenai pembangunan infrastruktur di luar bandar, saya percaya ini adalah soalan yang khusus dan barangkali hanya boleh dijawab jika kita menyemak perbelanjaan tiap-tiap Kementerian yang berkenaan sahaja dan pada umumnya saya tidak boleh memberi apa-apa jawapan pada masa ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, di antara langkah-langkah jimat-cermat Kerajaan, adakah termasuk langkah-langkah untuk memotong atau mengurangkan "perks" elaun-elaun yang begitu banyak yang dinikmati oleh Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, baik pun apabila di dalam negeri atau di luar negeri termasuk satu masa \$200 "tip allowance" sehari di luar negeri; adakah termasuk semua pemotongan atau pengurangan "perks", elaun-elaun tersebut?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya "perks" itu semua telah dikurangkan.

KEWARGANEGARAAN BAGI ORANG YANG TIDAK BERNEGERI

3. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah orang-orang yang tidak bernegeri di Malaysia dan apakah tindakan yang sedang diambil untuk memberikan kewarganegaraan kepada mereka yang telah memohon dan mempunyai kelayakan yang diperlukan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, jumlah orang yang tidak bernegeri mengikut rekod di Kementerian Dalam Negeri ialah 395 orang. Pada masa ini mereka mendapat kemudahan tinggal di Malaysia dengan menggunakan Pas Lawatan (Sosial) secara setahun ke 54 tahun. Mereka ini telah memohon untuk mendapatkan Permit Masuk dan permohonan

mereka sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan. Mereka masih belum layak untuk diberi taraf warganegara iaitu anugerah yang tertinggi negara pada masa ini oleh kerana mereka masih belum menjadi penduduk tetap. Kerajaan hanya akan memberi taraf warganegara kepada mereka yang layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perkara-perkara berkenaan dalam Perlembagaan Malaysia.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan Ujian Bahasa Malaysia dalam proses permohonan warganegara dan adakah Timbalan Menteri bersetuju kerana pengetahuan dalam Bahasa Malaysia tidak semestinya menjadi ukuran sebagai kesetiaan kepada negara seperti kesetiaan kepada negara juga tidak boleh diukur dari asal-usul bangsa dan keturunan?

Tuan Yang Dipertua: Pada fikiran saya soalan itu terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan terdapat 395 orang yang tidak bernegeri. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan berapa orang daripada angka itu yang ada dalam tahanan penjara dan masih menunggu negara-negara ketiga menerima mereka.

Soalan kedua, sama ada negara-negara asal subjek-subjek yang berkenaan pernah menolak cadangan Kerajaan Malaysia untuk menerap subjek-subjek yang terlibat?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, saya rasa soalan Ahli Yang Berhormat itu soalan lain.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa orang yang tidak bernegeri

bukan sahaja mereka yang ada dalam negara ini atas taraf sosial tetapi termasuk semua yang ada kad pengenalan merah sungguhpun mereka ada membuat permohonan. Adakah beliau sedar bahawa sungguhpun ada banyak jaminan bahawa proses untuk meluluskan permohonan akan dicepatkan tetapi masih ada banyak permohonan-permohonan yang sampai 10 tahun belum dapat apa-apa jawapan dan baru-baru ini saya ada menulis kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri mengenai satu kes sudah 13 tahun dari Rengit Johor. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini kenapa Kerajaan tidak mematuhi Communique Shanghai yang ada dimetri oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dan Chou En-lai bahawa masalah orang yang tidak bernegeri, bahawa mereka yang ada kad pengenalan merah akan dapat diselesaikan mengikut peraturan-peraturan antarabangsa.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, sesiapa sahaja yang mempunyai kad pengenalan merah ataupun sesiapa sahaja yang menjadi penduduk tetap bolehlah memohon untuk menjadi warganegara. Akan tetapi untuk menjadi seorang warganegara, maka perlulah kita mengikuti syarat-syarat tertentu, yang tercatat dalam Perlembagaan kita. Dan kita tidak boleh melakukan sesuatu yang bercanggah ataupun yang terpesong dengan kehendak Perlembagaan.

Masalah lama menunggu itu adalah masalah lain. Mungkin sebagaimana pernah saya nyatakan pada masa dahulu, perkara ini timbul, berpunca dari faktor-faktor dan pembekalan maklumat-maklumat yang kabur. Kita hendak memberi kepada seorang yang layak. Sesiapa yang layak, maka dia akan diberi taraf warganegara. Jadi,

kita tidak mahu memberi penghargaan kepada seseorang, yang mana taraf warganegara ini dianggap dan boleh dikatakan sebagai penghargaan yang tertinggi, kepada orang-orang yang tidak layak.

KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA—PENCARUM MENUNAIKAN FARDHU HAJI

4. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa pencarum-pencarum Kumpulanwang Simpanan Pekerja boleh mengeluarkan sebahagian daripada simpanan mereka untuk membeli rumah, adakah beliau akan membuat peruntukan membolehkan pencarum-pencarum Muslim mengeluarkan sebahagian daripada caruman mereka untuk menunaikan fardhu Haji.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, di bawah Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja sekarang ini tiada peruntukan yang membolehkan pengeluaran sedemikian. Kerajaan belum lagi membincangkan soalan ini.

Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerajaan belum lagi berniat untuk menggubal satu undang-undang bagi membolehkan kaum Muslimin mendapat sebahagian daripada wang simpanannya bagi membolehkan mereka naik haji ke Mekah.

Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan kalaulah perkara ini digubal dan dibolehkan, kurang lebih, berapakah jumlahnya yang boleh dikeluarkan bagi pekerja-pekerja yang mencarum kepada EPF ini, lebih tetap kita tahu berapa ramai pekerja-pekerja yang beragama Islam

yang mencarum kepada EPF dan kalau jumlah ini dibenarkan mengambil sebahagian daripada wangnya untuk membolehkan mereka naik haji ke Mekah, berapakah jumlah semuanya.

Tuan Yang Dipertua: Pada pertanyaan asal ataupun pertanyaan yang berbangkit tidak boleh dialaskan di atas "kalau".

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sekiranya Kementerian Kewangan hendak meminda Akta yang berkenaan untuk menimbangkan perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak, saya ingin mengemukakan satu soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu bolehkah Kementeriannya mempertimbangkan rayuan-rayuan pencarum untuk mengeluarkan sebahagian simpanannya untuk membiayai pelajaran universiti anak-anak mereka.

Tuan Yang Dipertua: Soalan itu pun tidak dibenarkan berasaskan kepada "kalau".

MAS—JUMLAH KEUNTUNGAN

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah keuntungan yang diperolehi oleh MAS sehingga akhir September 1983 dan apakah langkah yang sedang diambil untuk memodenkan perkhidmatan MAS dan memperkukuhkan syarikat itu.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, kiraan tahun kewangan MAS adalah bermula daripada 1hb April sehingga 31hb Mac pada setiap tahun. Keuntungan yang diperolehinya bagi tahun kewangan berakhir pada 31hb Mac, 1983 ialah \$8,787,391. Ini adalah satu pencapaian yang boleh dibanggakan oleh kerana syarikat penerbangan ini telah dapat

memperbaiki prestasinya setelah mengalami kerugian sejumlah \$39,147,507 pada tahun sebelumnya.

Angka-angka yang tepat sehingga penghujung bulan September tahun 1983 belum lagi diperolehi oleh kerana ianya masih belum diaudit.

Walau bagaimanapun, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa penyata-penyata akaun telah menunjukkan bahawa syarikat penerbangan ini terus menikmati keuntungan untuk tempoh 6 bulan yang pertama dalam tahun kewangan ini. Sungguhpun saya berharap keadaan ini akan berterusan kita harus melihat bahawa sepertimana syarikat-syarikat penerbangan yang lain kedudukan MAS juga adalah turut sama bergantung kepada keadaan-keadaan ekonomi antarabangsa. Kedudukan muktamad hanya dapat diketahui di akhir tahun kewangan berkenaan.

Syarikat penerbangan ini sekarang mempunyai 37 buah pesawat-pesawat yang berbagai jenis untuk memenuhi keperluan-keperluan dalam negeri dan antarabangsa. Pada ketika ini MAS sedang mengkaji kemungkinan memodenkan pesawat-pesawat ini. Organisasi pengurusannya juga sedang dikaji dan dirangka semula selaras dengan perakuan-perakuan laporan sebuah firma juru perunding antarabangsa. Semua langkah-langkah yang diambil itu adalah untuk menentukan bahawa syarikat penerbangan ini terus mengekalkan kecekapan dan daya pengeluaran yang tinggi dalam semua bidang aktiviti-aktivitinya termasuk operasi penerbangan, perkhidmatan-perkhidmatan pelanggan dan penyelenggaraan pesawat.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan kedudukan kajian Kerajaan mengenai membenarkan National Airlines yang

kedua oleh kerana keputusan ini akan mempengaruhi keuntungan perkhidmatan dan masa depan MAS.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, setakat ini tidak ada syarikat penerbangan yang kedua yang telah diluluskan untuk menjalankan perkhidmatan di negara ini. Barangkali apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah tentang berapa syarikat charter yang telah dibenarkan untuk menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu sahaja dari satu tempat ke tempat yang lain.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan daripada keuntungan \$8 juta itu adakah ini hasil daripada kegiatan MAS untuk mengadakan penerbangan dalam negeri ataupun luar negeri, dan kalau sekiranya keuntungan ini datang daripada penerbangan luar negeri, apakah pihak MAS akan mengadakan penerbangannya terus ke Amerika Syarikat apabila memandangkan banyak di antara rakyat kita dan juga pengguna kapal terbang ini yang pergi terus ke Amerika.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, keuntungan yang diperolehi oleh MAS ialah dari dua sumber iaitu dari antarabangsa dan dalam negeri. Tetapi kebanyakan hasil datang dari sektor-sektor yang tertentu di peringkat antarabangsa.

Tentang penerbangan ke Amerika Syarikat, sukacita saya memaklumkan bahawa satu rombongan telah pun dihantar minggu ini juga ke Washington untuk mengadakan perundingan dengan pihak Amerika Syarikat supaya bolehlah MAS memberi perkhidmatan khasnya kepada pelajar-pelajar kita yang sedang belajar di Amerika Syarikat. Sama ada penerbangan ini dilaksanakan oleh MAS sendiri

ataupun berkongsi dengan syarikat penerbangan Amerika, ini belum ditentukan lagi.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah MAS untuk mengadakan joint venture project dengan airline-airline negara lain yang mana negara ini tidak mendapat landing rights?

Yang kedua, adakah MAS bercadang untuk mengadakan perniagaan-perniagaan yang melibatkan spin-off business daripada main business MAS?

Yang ketiga, adakah MAS bercadang untuk meluaskan lagi perkhidmatan dalam negeri dari Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia supaya proses pendekatan rakyat Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia dapat dipercepatkan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, syarikat yang ada khidmat bersama dengan MAS ialah Syarikat Singapore Airlines (SIA) di mana baru sahaja Kementerian Pengangkutan dan Kerajaan telah bersetuju supaya kedua-dua syarikat penerbangan ini bolehlah mengadakan perkhidmatan khas untuk pelancong-pelancong dari Singapura ke Kuantan dan perkhidmatan ini akan dilaksanakan pada 15hb November tahun ini. Syarikat penerbangan MAS mengadakan gabungan juga dengan syarikat-syarikat penerbangan yang lain seperti Turkish Airlines yang mana mereka juga akan mengadakan satu "package tour" supaya pelawat-pelawat dari Malaysia bolehlah mengadakan satu "package tour" untuk mengerjakan Umrah. Selepas Umrah itu bolehlah mereka pergi ke Turkey untuk melihat tempat-tempat menarik yang mempunyai unsur-unsur sejarah Islam dan bolehlah mereka membuat perjalanan itu dengan adanya persetujuan seperti ini.

Tentang spin-off ini syarikat penerbangan MAS mengadakan catering services di mana mereka membekalkan makanan kepada penerbangan-penerbangan dari lain negara yang singgah di Kuala Lumpur supaya dapat mereka dibekalkan dengan makanan dan minuman.

Tentang pendekatan Sabah dan Sarawak dengan perkhidmatan MAS, ini adalah menjadi satu hasrat MAS dan Kementerian Pengangkutan dan Kerajaan juga supaya hubungan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dieratkan lagi dan kita selalu mengkaji supaya MAS boleh mengadakan perkhidmatan yang lebih di Sabah dan Sarawak.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, saya difahamkan bahawa salah satu jalan membolehkan MAS memperluaskan keuntungan \$8 juta lebih itu ialah dari kempen berjimat cermat yang dilancarkan oleh MAS di peringkat pentadbiran dan operasinya. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan sama ada beliau dapat memberi satu jaminan bahawa kempen jimat cermat yang dilancarkan oleh MAS ini tidak akan menjejaskan mutu perkhidmatan kepada orang ramai? Yang kedua ialah dalam proses memodenkan perkhidmatan MAS saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada MAS mempunyai apa-apa rancangan untuk menggantikan pesawat-pesawat B—737, Airbus dan D.C. 10 pada suatu masa kelak dengan pesawat-pesawat yang bergenerasi moden seperti pesawat B—757, B—767 dan Airbus 310.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, memang menjadi hasrat syarikat penerbangan MAS supaya melancarkan langkah-langkah yang akan menjimatkan kos penerbangan dengan tidak ada kesan yang buruk kepada mutu perkhidmatan itu.

Tentang pesawat-pesawat baru, MAS sedang mengkaji kemungkinan memodenkan pesawat-pesawat yang sudah ada dengan mengadakan satu kajian teliti tentang Airbus A—310, Boeing B—767, B—757, MD 80 dan satu kapal lagi British Aerospace 146. Tetapi keputusan yang muktamad belum diambil lagi.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri selain daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi adakah pihak MAS bercadang memperluaskan aktiviti-aktiviti MAS seperti penyertaan atau pelaburan dalam bidang pelancongan iaitu dalam hotel dan lain perdagangan yang berkaitan dengan pelancongan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, syarikat MAS tidak ada matlamat untuk memperluaskan bidang aktiviti-aktivitinya setakat ini.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Mengikut keuntungan yang diperolehi adakah MAS Bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan penerbangan antarabangsa ke negara-negara lain yang masih belum dilakukan oleh MAS? Jika ada, bolehkah Menteri namakan negara-negara dan adakah ini termasuk negeri China?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang saya terangkan tadi MAS sedang mengadakan perundingan melalui Kementerian Pengangkutan dengan Amerika Syarikat tentang kemungkinan MAS mengadakan perkhidmatan ke Amerika Syarikat. Kerajaan juga telah mengadakan perundingan dengan Turkey dan beberapa buah negara lagi di Eropah supaya di dalam masa yang akan datang dan apabila perlu bolehlah kita mengadakan perkhidmatan ke lebih

banyak lagi negara-negara Eropah. Belum ada lagi cadangan perkhidmatan untuk ke negeri China.

LESEN BAS EKSPRES KEPADA SYARIKAT BERHAD

6. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

(a) berapakah jumlah lesen-lesen (kebenaran) Bas Ekspres yang telah diluluskan oleh Lembaga Perlesenan Pengangkutan Jalan kepada:

- (i) Syarikat-syarikat Bhd.
- (ii) Perseorangan dan
- (iii) Syarikat-syarikat kerjasama

bagi tahun-tahun 1980, 1981 dan 1982.

(b) apakah syarat-syarat dan panduan yang telah digunakan oleh Lembaga bagi meluluskan sesuatu permohonan khasnya syarat jarak sesuatu tempat ke sesuatu tempat yang memerlukan bas ekspres Adakah sekatan-sekatan tertentu dari segi jarak sesuatu tempat untuk meluluskan sesuatu permohonan; dan

(c) adakah Menteri sedar terdapat sekurang-kurangnya 4 buah syarikat Bas Ekspres dari Parit Buntar ke Butterworth yang jaraknya hanya 21 batu, dan Syarikat-syarikat ini bukan sahaja merosot dari segi-segi penumpang tetapi juga telah menjejaskan tuan empunya teksi dan kereta sewa yang begitu ramai di Bandar Parit Buntar, Nibong Tebal dan beberapa Pekan lain di sepanjang jalan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang Dipertua, pada tahun 1980 Kementerian Perusahaan

Awam telah mengeluarkan sebanyak 6 lesen Bas Ekspres kepada Syarikat-syarikat Berhad dan pada tahun 1981 Kementerian ini telah mengeluarkan 18 lesen kepada Syarikat-syarikat Berhad, satu kepada perkongsian dan satu lesen kepada Syarikat Kerjasama.

Manakala pada tahun 1982 sebanyak 27 lesen dikeluarkan kepada Syarikat Berhad, satu kepada perkongsian dan 4 kepada Syarikat Kerjasama. Tidak ada lesen bas ekspres yang telah dikeluarkan kepada pengusaha perseorangan dibuat oleh Kementerian ini dalam tempoh yang tersebut.

Syarat-syarat dan panduan yang telah digunakan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan bagi meluluskan sesuatu permohonan adalah seperti berikut:

- (1) Laluan yang dipohon mesti mempunyai keperluan perkhidmatan bas ekspres sama ada kerana laluan tersebut belum mempunyai perkhidmatan ataupun perkhidmatan yang ada sekarang tidak mencukupi. Sungguhpun Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan mempunyai maklumat-maklumat tentang keperluan-keperluan ini, setiap pemohon perlu menunjukkan bukti-bukti keperluan perkhidmatan semasa perbincangan diadakan.
- (2) Pemohon-pemohon perlu membuktikan keupayaan mereka mengusahakan perkhidmatan bas ekspres, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan menimbang keupayaan pengurusan pemohon serta juga keupayaan menyediakan modal.
- (3) Pemohon perlu mematuhi prosedur-prosedur permohonan yang telah ditetapkan seperti pengisian borang dengan betul

dan lengkap dengan segala maklumat dan kajian-kajian yang telah dijalankan.

Ingin ditegaskan bahawa ada kalanya pemohon-pemohon memang benar mempunyai kemampuan untuk menjalankan sesuatu perkhidmatan bas ekspres, tetapi terpaksa juga ditolak oleh kerana di laluan tersebut telah mencukupi perkhidmatan bas ekspres yang diberi oleh pengusaha-pengusaha yang sedia ada.

Syarat jarak laluan adalah seperti yang dinyatakan dalam Road Traffic Ordinance 1968 di mana perkhidmatan bas ekspres hanya dihadkan kepada laluan yang mempunyai peringkat tambang yang tidak kurang daripada 10 batu jauhnya.

- (4) Kementerian Perusahaan Awam mengetahui tentang laluan bas ekspres di antara Parit Buntar ke Butterworth di mana terdapat 4 syarikat bas ekspres yang sedang membekalkan perkhidmatan. Laluan ini adalah satu laluan yang menguntungkan dan banyak permohonan-permohonan diterima daripada pengusaha-pengusaha yang ingin memberi perkhidmatan bas ekspres di laluan tersebut. Semua pemohon diberi peluang untuk mengemukakan maklumat-maklumat berkenaan dengan keupayaan mereka semasa membuat permohonan dan semasa perbincangan diadakan untuk laluan ini. Pengusaha-pengusaha yang sedia ada juga diberi peluang untuk membuat bantahan terhadap permohonan-permohonan yang dikemukakan.

Daripada maklumat-maklumat yang telah dinyatakan kepada Lembaga adalah didapati bahawa terdapat

keperluan perkhidmatan bas ekspres untuk orang ramai yang berulang-alik di antara Parit Buntar dan Butterworth termasuk pekerja-pekerja yang berulang setiap hari.

Bilangan perkhidmatan yang ada, Tuan Yang Dipertua, sehingga sekarang adalah berpatutan dengan keperluan.

Semasa membuat pertimbangan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan bukan sahaja mengambil kira tentang pengusaha-pengusaha bas ekspres yang sedia ada, tetapi juga perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan yang lain yang akan menerima kesan tambahan perkhidmatan bas ekspres seperti pengusaha-pengusaha teksi.

Kementerian ini sedar bahawa sungguhpun perkhidmatan bas ekspres sedikit sebanyak memberi kesan kepada pengusaha-pengusaha teksi, kesan ini tidaklah sebegitu ketara, sebab pengusaha bas ekspres adalah dikenakan beberapa syarat seperti sekatan daripada mengambil penumpang di laluan di antara bandar dan sekatan perkhidmatan yang dihadkan kepada laluan tertentu sahaja. Mereka juga perlu mematuhi jadual waktu yang telah ditetapkan. Sekatan-sekatan seperti ini tidak dikenakan kepada pengusaha-pengusaha teksi dan ini menjamin pengusaha-pengusaha teksi daripada terjejas berikutan daripada perkhidmatan bas ekspres di laluan Parit Buntar ke Butterworth.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Berapa buahkah syarikat bas ekspres yang telah dikeluarkan lesennya oleh pihak Kerajaan melalui jalan Lebuhraya Timur-Barat dan begitu juga daripada Kota Bharu ke Kuala Lumpur.

Dan adakah rancangan Kerajaan akan mengeluarkan lagi lesen-lesen bas ekspres melalui laluan-laluan tadi?

Tuan Hussein bin Mahmud: tuan Yang Dipertua, bilangan syarikat bas yang telah diberikan bagi laluan apa yang dinamakan Lebuhraya Timur Barat itu ialah sebanyak 13 dan sehingga ini pihak Kementerian berpendapat perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan itu adalah mencukupi. Sehingga pihak Kementerian ini berpendapat bahawa sesuatu tambahan perlu, kami tidak bercadang hendak menambahkan lagi sebarang pemberian permit kepada syarikat-syarikat baru. Kalaupun ada, buat sementara waktu ini Tuan Yang Dipertua, syarikat-syarikat yang menjalankan perkhidmatan sehingga hari ini akan diberi keutamaan dahulu untuk menambahkan bas-bas atau trip-trip mereka melalui laluan-laluan yang berkenaan bas-bas atau trip-trip mereka melalui laluan-laluan yang berkenaan.

KEMPEN ANTI DADAH

7. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Perdana Menteri menyatakan jumlah orang yang dianggarkan terlibat dalam dadah dan perbelanjaan tahunan yang dikehendaki untuk mengatasi masalah ini secara berkesan dan sama ada Kempen Anti-Dadah yang dilancarkan baru-baru ini telah membawa keputusan yang baik.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, jumlah penagih dadah yang telah dikesan sejak tahun 1970 hingga bulan Ogos 1983 ialah 89,019 orang. Memandangkan masalah-masalah dadah ini terlalu kompleks dan usaha-usaha mengawal dan mencegahnya adalah tanggungjawab yang dilaksanakan bersama oleh Kerajaan dan seluruh masyarakat, maka adalah amat sukar untuk menyatakan perbelanjaan tahunan yang dikehendaki bagi mengatasi masalah ini secara berkesan.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat sama ada Kempen Anti-Dadah yang dilancarkan baru-baru ini telah membawa keputusan yang baik, sukacita saya maklumkan bahawa jawapannya telah saya berikan dengan panjang lebar semasa menjawab soalan yang sama dalam Dewan ini pada 14hb Oktober, 1983. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada angka penagih di dalam negara ini sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang berjumlah lebih kurang 89,019 orang dan pusat-pusat pemulihan bagi penagih-penagih tersebut yang terletak di Besut, Terengganu di Tampoi, Johor, dan di Butterworth hanya boleh menampung lebih kurang 750 orang penagih itu; adakah Kerajaan bercadang untuk menambah lagi bilangan pusat-pusat pemulihan ini pada masa-masa yang akan datang, jika ia di manakah pusat-pusat itu akan dibina dan berapa anggaran penagih-penagih yang dijangka boleh dimuatkan.

Yang kedua, tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengujudkan satu pusat pemulihan yang boleh menampung muatan beribu-ribu orang penagih seperti di pulau-pulau di dalam negara ini yang telah dikenalpasti tentang keselamatannya dari sudut perhubungan penagih-penagih tersebut dengan masyarakat luar supaya mereka tidak mendapat bekalan dadah dan supaya penagih-penagih ini benar-benar tersisih dari masyarakat luar tatkala mereka menjalani rawatan pemulihan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, dengan ringkasnya sukalah saya nyatakan bahawa Kerajaan akan mengkaji segala perkembangan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

PENUBUHAN FINAS MENGENAI 'FILEM TEMPATAN

8. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah objektif dan matlamat FINAS di tubuhkan;
- (b) apakah penubuhan FINAS ini amat diperlukan di dalam keadaan pengusaha-pengusaha filem tempatan yang agak lembab pada masa ini; dan
- (c) tidakkah penubuhan FINAS ini merupakan saingan kepada Filem Negara yang juga turut memberikan sumbangan dan kemudahan modal, khidmat nasihat dan peralatan kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang Dipertua, objektif FINAS seperti yang terkandung di bawah seksyen 6 (1) Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 adalah seperti berikut:

- (a) Membuat syor-syor kepada Menteri tentang dasar-dasar, cara-cara dan langkah-langkah yang hendak diambil untuk menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman.
- (b) Untuk memaju dan mendorong perkembangan dan mengekalkan taraf perusahaan perfileman dengan berbagai-bagai cara termasuk mengadakan perkhidmatan pendidikan dan nasihat.
- (c) Untuk mengawal dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti orang-orang dan badan-badan berkaitan dengan perusahaan perfileman.

- (d) Amnya untuk menggalak dan membantu dalam memajukan perusahaan perfileman di dalam dan di luar Malaysia.
- (e) Untuk mengawal dan mengawasi pengeluaran, pendedaran dan pameran filem-filem dalam Malaysia yang berhubung dengan membuat peruntukan untuk mengeluarkan lesen-lesen; dan
- (f) Untuk mengurus dan mengawasi penyenggaraan dan pengendalian tempat-tempat dan peralatan kepunyaan Perbadanan bagi maksud seksyen kecil 2 (c) iaitu:

Untuk mengadakan atau membantu di dalam keluaran perkhidmatan-perkhidmatan, kemudahan-kemudahan dan peralatan perfileman;

Untuk pengeluar-pengeluar, pengedar-pengedar, pemamer-pemamer filem-filem, pemunya-pemunya dewan wayang gambar tetapi sendiri tidak mengambil bahagian dalam pengeluaran filem secara langsung atau secara tidak langsung.

Perusahaan filem di Malaysia pada masa sekarang adalah terlalu kecil dan terlalu lemah jika dibandingkan dengan pengeluaran filem di luar negeri yang dimasuki ke negara kita. Pertandingan di kalangan sektor pengeluaran dan penayang filem juga telah menghasilkan satu kedudukan yang kurang memberi peluang kepada pengeluaran filem-filem tempatan. Di samping itu perusahaan filem di Malaysia mengalami kekurangan bakat-bakat yang terlatih serta juga kelengkapan alat-alat yang memuaskan bagi memulakan satu industri yang sihat. Keadaan pengeluaran filem yang mempunyai risiko yang tinggi juga memerlukan

kemudahan-kemudahan yang dapat diberi oleh Kerajaan supaya pengeluaran filem tempatan dapat melangkah ke masa hadapan di atas landasan yang lebih kukuh dan mengikut amalan yang lebih profesional.

Dengan kerana sebab-sebab yang disebut di atas tadi penubuhan FINAS pada masa sekarang adalah amat diperlukan.

Untuk jawapan (c), fungsi FINAS seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, 1981 tidaklah mempunyai sebarang persaingan dengan fungsi Filem Negara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa salah satu cara untuk memajukan industri perfileman ialah dengan meluaskan pasaran filem-filem Malaysia ke luar negeri. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pemasaran filem-filem Malaysia di luar negeri, khasnya seperti di Indonesia mendapat tentangan yang hebat daripada Persatuan Pengeluar-pengeluar Filem Indonesia dan ini mengakibatkan terjejasnya pemasaran filem-filem kita di luar negeri, khasnya di Indonesia? Sejauh ini apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan bahawa filem-filem Malaysia akan mendapat pasaran yang setimpal dengan pasaran filem-filem Indonesia di Malaysia sendiri.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang Dipertua, saya sedar dan Kementerian saya sedar di atas kedudukan, iaitu sukar filem-filem kita dapat masuk atau ditayang di luar negeri, khususnya di Indonesia. Tetapi semenjak setahun dua yang lepas ini perundingan telah pun diadakan yang

mana kalau tak salah saya dua kali kita telah pun membuat satu seminar ataupun perjumpaan yang mana perjanjian telah pun dicapai, iaitu sekurang-kurangnya 10 filem setahun ada ditayang, ini kalau saya tak lupa. Ini bermakna keadaan yang terdapat sekarang ini telah pun berbeza pada masa-masa yang lepas yang mana filem kita mungkin tidak dapat masuk langsung dan ditayang di sana, tetapi dalam masa setahun dua yang lepas ini suka saya mengatakan kepada Dewan ini, iaitu kita telah pun dapat tayangkan filem-filem kita di Indonesia.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian adakah pihak FINAS ini memberi bantuan modal secara pendahuluan ataupun secara subsidi kepada syarikat-syarikat filem yang hendak menjalankan perusahaan filem? Setakat ini ada berapakah syarikat filem yang benar-benar terdiri daripada rakyat Malaysia ini yang berjalan dengan baik dan boleh mendapat keuntungan?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang Dipertua, pada dasarnya kita tidak memberikan subsidi ataupun pinjaman-pinjaman kepada orang-orang yang terlibat di dalam perindustrian perfileman ini, tetapi kita memberikan kemudahan-kemudahan menggunakan alat-alat dan juga kita sanggup memberikan jaminan diatas barangan-barangan yang mereka membeli, seperti filem-filem dan sebagainya dengan syarat mereka itu memberikan seperti gadaian juga di atas filem-filem yang mereka keluarkan ini dengan bayaran melalui FINAS yang mengutipnya oleh sebab kita suka jaminan yang kita berikan kepada orang-orang yang terlibat di dalam perfileman ini kita dapat balik wang ini dengan perjanjian orang-orang itu supaya kutipan

keuangan di atas kegunaan filem yang mereka mengeluarkan, FINAS yang mengutip tetapi tidak dengan secara subsidi dan pinjaman, tetapi menggunakan alat-alat dan kemudahan untuk mereka dapat professionalism yang lebih tepat dan berguna dan dapat bersaing dengan filem-filem yang datang daripada luar negeri.

RUMAH KOS RENDAH OLEH PEMAJU SWASTA

9. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah dan bantuan khusus Kerajaan telah memberikan kepada pemaju-pemaju swasta untuk membolehkan mereka membina rumah-rumah kos rendah supaya dapat membantu Kerajaan mencapai sasaran-sasaran perumahannya di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang Dipertua, dalam usaha untuk membolehkan pemaju swasta melaksanakan projek perumahan mereka amnya dan rumah kos rendah khususnya, beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan. Umpamanya, selaras dengan konsep Persyarikatan Malaysia, Kerajaan telah mengarahkan supaya permohonan tukar syarat dan pecah sempadan tanah diproseskan dalam masa 3 bulan. Selain dari itu, Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian ada menyediakan pelan-pelan seragam rumah kos rendah yang boleh digunakan oleh pemaju-pemaju swasta. Usaha sedang diambil supaya pelan-pelan seragam ini boleh diterima oleh Penguasa-penguasa Tempatan untuk kelulusan segera.

Kerajaan juga telah mengambil tindakan untuk mewujudkan satu proses meluluskan pelan dan

pengeluaran Sijil kelayakan yang cekap dan licin.

Akhirnya, Kerajaan telah pun mengeluarkan arahan melalui Bank Negara kepada bank-bank perdagangan supaya memberi kemudahan kepada para pembeli rumah kos rendah dan kos sederhana yang berharga tidak lebih dari \$100,000 seunit dengan kadar faedah 10% setahun.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa salah satu langkah ialah untuk mengarahkan supaya permohonan pertukaran syarat tanah akan dibereskan tidak begitu lama, iaitu 3 bulan untuk membantu pemaju swasta dalam pembinaan rumah kos rendah ini. Akan tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sungguhpun arahan ini telah dikeluarkan tetapi pada praktiknya pemaju-pemaju swasta ada mengalami tempoh yang melebihi 3 bulan itu. Ada contoh yang saya boleh sampaikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, akan tetapi saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sedar dan jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil untuk menentukan bahawa arahan ini dapat dipraktikkan apabila pemaju swasta menyampaikan pelan-pelan kepada Pihak Berkuasa Tempatan?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, Kementerian sedar bahawa ada juga permohonan-permohonan yang tidak dapat diproseskan dalam masa 3 bulan. Kadang-kadang masalah ini timbul oleh kerana pihak swasta kadang-kadang tidak mengambil tindakbalas yang secepat mungkin. Kalau hendak cepat, kenalah juga pihak swasta melalui consultant-consultant mereka itu mempercepatkan apa-apa ubahsuai yang diminta oleh Penguasa-penguasa Tempatan ataupun Kerajaan Negeri.

JALAN RAYA DI KLUANG— MEMPERBAIKI

10. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Kerjaraya menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk memperbaiki jalan-jalan raya di Kluang. Apakah rancangan-rancangan yang akan diadakan di Kluang dan adakah pihak Kementerian akan menimbangakan meluaskan Jalan Mersing—satu jalan raya yang penting di Kluang.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga sahaja Kerajaan Persekutuan telah pun membelanjakan wang sebanyak \$789,000 bagi membaiki jalan dan mengganti semula 3 buah jambatan kayu kepada jambatan konkrit di Jalan Kluang, Mersing. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat pula, rancangan Kerajaan ialah untuk mengganti 3 buah lagi jambatan kayu yang ada kepada jambatan konkrit dan membina sebuah jejantas (fly-over) di atas pintu keretapi di Jalan Mersing itu. Akan tetapi untuk sementara waktu rancangan-rancangan itu terpaksa ditangguhkan sehingga keadaan ekonomi negara mengizinkan. Buat masa sekarang Kerajaan belum bercadang untuk meluluskan Jalan Mersing itu. Pertimbangan akan dibuat setelah semua jambatan-jambatan diperluaskan dan diperkukuhkan untuk mengelak bahaya kepada pengguna.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sedarkah Kerajaan bahawa kos membaiki sebanyak 14 buah jambatan di Jalan Mersing, Kluang itu lebih tinggi dalam jangkamasa panjang jika dibanding dengan kos membina baru jambatan batu. Yang kedua, sedarkah Kerajaan bahawa Kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan tahunan,

ertinya tiap-tiap tahun suatu peruntukan mesti dikeluarkan oleh Kerajaan bagi membaiki ke 14 jambatan kayu di jalan tersebut. Jika sedar perkara ini, bolehkah Kerajaan mempercepatkan penggantian jambatan-jambatan kayu itu kepada jambatan-jambatan batu?

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, memanglah untuk melaksana pembaikan jambatan-jambatan kayu ini memakan belanja yang banyak kalau dibiarkan begitu lama dan itulah menjadi hasrat Kerajaan untuk menukarkan semua jambatan-jambatan kayu ini kepada jambatan konkrit. Dan bagi memperbaiki jambatan-jambatan ini memanglah dikhaskan satu peruntukan iaitu peruntukan road maintenance, dengan izin, bagi semua jalan-jalan biasa.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

(Soalan No. 11 Y. B. Tuan Sim Kwang Yang tidak hadir).

SIJIL RENDAH PELAJARAN/ SIJIL PELAJARAN MALAYSIA— KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

12. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) memberi sebab-sebab mengapa keputusan peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia bagi Sabah adalah sangat buruk dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membaiki keadaan tersebut; dan
- (b) jumlah guru-guru yang sedang mengajar di sekolah-sekolah di Sabah dengan membahagikan mereka kepada jumlah yang datang dari Semenanjung Malaysia, Sarawak dan anak tempatan Sabah.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pelajaran tidak mengangap keputusan Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Malaysia bagi Sabah sangat buruk. Dari setahun ke setahun pada amnya peratus kelulusan negeri Sabah dalam Sijil Rendah Pelajaran Malaysia dan Sijil Pelajaran Malaysia meningkat naik seperti tertera di bawah:

	SRP
Tahun 1980	43.1%
Tahun 1981	46.6%
Tahun 1982	49.8%
	SPM
Tahun 1980	43.61%
Tahun 1981	49.7%
Tahun 1982	46.4%

Tuan Yang Dipertua, pada tahun 1982 peratus kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia bagi negeri Sabah menurun sedikit seperti yang berlaku juga di negeri-negeri lain. Secara keseluruhannya mutu pelajaran di negeri ini bertambah baik. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran terus berusaha untuk memperbaiki lagi prestasi pelajaran di negeri Sabah dengan menempatkan guru-guru yang terlatih di negeri tersebut. Usaha juga sedang dijalankan untuk meningkatkan lagi taraf profesional guru-guru di Sabah dengan menghantarkan guru-guru yang terlatih di negeri tersebut menghadiri kursus dalam perkhidmatan dari masa ke semasa. Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran juga sedang berusaha menambah dan membaiki kemudahan-kemudahan pelajaran di Sabah dengan membekalkan negeri tersebut dengan hardware seperti radio/cassete recorder, television, janakuasa, video tape recorder dan lain-lain alat siaran pendidikan, projectors serta lain-lain lagi alat bantuan mengajar.

Dari segi pembangunan pula, pada tahun 1983 Kementerian Pelajaran telah memberi peruntukan sebanyak \$59,285,000 untuk mendirikan sekolah-sekolah baru dan bilik-bilik darjah tambahan. Walau bagaimanapun tidak semua peruntukan ini dapat dibelanjakan oleh kerana pemborong-pemborong di negeri tersebut tidak berupaya melaksanakannya.

Untuk menjawab soalan (b) bilangan dan tempat asal guru-guru yang sedang mengajar di sekolah-sekolah di Sabah adalah seperti berikut:

Dari Sabah	6,975 orang
Dari Semenanjung Malaysia	2,701 orang
Dari Sarawak	Tidak ada
<hr/>	
Jumlah	9,676 guru
<hr/>	

PERDAGANGAN SEMENANJUNG MALAYSIA—DEFISIT

13. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah jumlah defisit perdagangan Semenanjung Malaysia seperti pada akhir bulan Ogos tahun ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang Dipertua, perangkaan awal menunjukkan jumlah defisit perdagangan Semenanjung Malaysia iaitu pada akhir bulan Ogos, 1983 adalah sebanyak \$2,119.6 juta iaitu dengan kedudukan jumlah eksport sebanyak \$16,391.5 juta dan jumlah import sebanyak \$18,511.1 juta. Defisit ini adalah kurang daripada defisit pada jangka masa yang sama

pada tahun 1982 yang berjumlah \$3,095.8 juta. Walau bagaimanapun, perangkaan awal bagi keseluruhan Malaysia untuk tempoh 8 bulan pertama tahun 1983 menunjukkan kita memperolehi lebih perdagangan sebanyak \$455.5 juta iaitu dengan kedudukan jumlah eksport sebanyak \$20,619.9 juta dan jumlah import sebanyak \$20,163.5 juta. Dalam jangka masa yang sama pada tahun 1982 Malaysia telah mengalami defisit sebanyak \$901.9 juta.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri memandangkan kejatuhan jumlah perdagangan dunia, apakah kesan terhadap perdagangan negara kita.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang Dipertua, seperti pada tahun yang lepas, khususnya tahun 1982, kita mengalami kekurangan perdagangan yang begitu banyak sekali yang pernah kita mengalami jikalau dibandingkan pada tahun-tahun sebelum tahun 1982. Kalau tak salah saya \$1.6 bilion defisit tetapi pada tahun ini seperti mana saya sebutkan tadi nampaknya kita bertambah baik. Kita akan surplus 8 bulan ialah \$455.5 juta dan seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, di dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada tanggal 21 yang lepas yang mana anggaran kita pada akhir tahun ini kita akan surplus sebanyak \$335 juta, kalau tak salah saya. Jadi, ini bermakna jikalau dibandingkan kedudukan sekarang ini pada tahun yang lepas nampaknya ekonomi dunia bertambah pulih. Walau bagaimanapun, saya rasa perkara ini perlulah negara-negara dalam dunia khususnya negara-negara maju mengamalkan satu dasar kewangan yang baik ataupun perdagangan yang baik iaitu dasar protectionism yang lebih liberal maka saya rasa kita boleh mengharapkan

ekonomi dunia akan berkembang dan akan bertambah baik pada masa akan datang.

**PARTI KOMUNIS MALAYA—
PENYERAHAN DIRI AHLI-AHLI**

14. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan beribu orang penganas komunis telah menyerah diri kepada Kerajaan Thai di kawasan Sempadan Malaysia-Thai baru-baru ini, adakah penyerahan diri ini disambut baik oleh Kerajaan kita dan berikutanannya adakah Kerajaan akan menawar kepada saki-baki ahli-ahli Parti Komunis Malaya supaya menyerah diri beramai-ramai.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, setakat ini belum ada lagi penyerahan diri beramai-ramai oleh anggota-anggota Parti Komunis Malaya (PKM) kepada Kerajaan Thailand di Selatan Thailand.

Sememangnya Kerajaan menyambut baik penyerahan diri beramai-ramai oleh anggota Parti Komunis Malaya yang berada di Selatan Thailand.

Adalah menjadi amalan Kerajaan bahawa anggota-anggota Parti Komunis Malaya yang ingin menyerah diri boleh berbuat demikian pada bila-bila masa sahaja.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Dalam Negeri bercadang pemergian Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Bangkok itu mengadakan rundingan penyerahan diri beramai-ramai kepada Kerajaan Thailand itu dirundingkan lagi.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, tidak ada.

**PERINTAH BERKURUNG
DI RAUB, PAHANG**

15. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan situasi telah bertambah baik serta juga terdapat "representations" berterusan dari penduduk-penduduk yang terlibat, sama ada Kerajaan akan melonggarkan waktu berkurung yang dikenakan di Kampung Baru Cheroh, Kampung Baru Sungai Ruan dan Kampung Baru Sungai Klau semuanya di kawasan Raub yang mana perintah berkurung yang dikenakan sekarang dari pukul 10 malam hingga 6 pagi dilonggarkan kepada pukul 12 tengah malam hingga 6 pagi supaya dapat mengurangkan ketidakelesaian penduduk-penduduk berkenaan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, setakat ini Kerajaan belum bercadang untuk melonggarkan waktu perintah berkurung yang dikenakan memandangkan keadaan keselamatan yang belum pulih lagi di kawasan tersebut.

**WANITA MALAYSIA—
MAKSIAT DAN MARUAH**

16. Datin Paduka Hajjah Zaleha Ismail minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan Kementerian beliau membentaras maksiat dan menjaga maruah wanita Malaysia.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk membentaras perbuatan-perbuatan maksiat dan menjaga maruah wanita Malaysia. Langkah-langkah yang telah diambil untuk membentaras dan mencegah perbuatan maksiat ini antaranya adalah seperti berikut:

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> (i) Serbuan yang dibuat oleh Polis ke sarang-sarang pelacuran; (ii) Tindakan menyelamatkan gadis-gadis di bawah umur 21 tahun di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 106/73; (iii) Tangkapan ke atas pelancung wanita asing yang terlibat dalam kegiatan pelacuran di bawah Akta Imigresen; | <ul style="list-style-type: none"> (iv) Tindakan Mahkamah di bawah Seksyen 372 - 373A Kanun Keseksaan terhadap penganjur dan orang yang hidup di atas hasil pelacuran; (v) Tindakan mengenakan sekatan kediaman terhadap penganjur pelacuran di bawah Enakmen Kediaman Terhad (Bab 39). |
|--|---|

Dalam melaksanakan undang-undang yang dipertanggungjawabkan kepada Polis, perangkaan-perangkaan berikut menunjukkan tangkapan-tangkapan dan serbuan-serbuan yang telah dibuat sejak tahun 1978 hingga 1982:

	1978	1979	1980	1981	1982
(i) Bilangan serbuan Polis ke sarang-sarang pelacuran.	3,557	4,568	5,232	4,346	3,365
(ii) Tindakan menyelamatkan gadis-gadis di bawah umur 21 tahun Akta Perlindungan Wanita & Gadis 106/73.	359	284	218	286	276

Panjang lagi jawapannya Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua: Panjang? Berapa panjang lagi itu, tiga muka?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Satu muka lagi.

Tuan Yang Dipertua: Panjang itu, saya minta Yang Berhormat beri dengan bertulis jawapannya itu. Masa telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 dan 17 adalah diberi di bawah ini).

PENSWASTAAN SYARIKAT-SYARIKAT

11. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan apakah bidang-bidang spesifik yang Kerajaan telah mengenalpasti untuk

diperswastakan, dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menentukan bahawa syarikat-syarikat yang berorientasi keuntungan yang mengambilalih enterprise-enterprise tersebut akan juga memenuhi keperluan-keperluan penduduk-penduduk luar bandar yang bertaburan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):

Bahagian pertama soalan ini telah pun saya jawab semasa menjelaskan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 14hb Oktober, 1983.

Berhubung dengan bahagian kedua, iaitu kesan dasar penswastaan terhadap keperluan penduduk luar bandar, suka saya tegaskan semula penjelasan yang telah dibuat oleh Y.A.B. Perdana

Menteri baru-baru ini iaitu Kerajaan tidak akan mengabaikan kepentingan rakyat, lebih-lebih lagi penduduk luar bandar, apabila beberapa khidmat awam yang tertentu diserahkan kepada pihak Swasta. Kerajaan akan terus bertanggungjawab kepada rakyat dan oleh dengan itu memastikan bahawa "profit-motive" atas niat mencari keuntungan tidak membelakangkan kepentingan awam.

CUEPACS—BANTAHAN PENSWASTAAN

17. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana boleh Kerajaan mendamaikan (reconcile) pendirian CUEPACS yang membantah gerakan Kerajaan untuk menswastakan beberapa badan Kerajaan dan separuh Kerajaan dan kezaman pihak Kerajaan untuk melaksanakan polisi pengswastaan dan dengan ingatan bahawa adalah jelas jika CUEPACS ada bertentangan gerakan-gerakan sedemikian, polisi pengswastaan mungkin gagal.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan telah pun mengambil maklum pandangan dari CUEPACS mengenai perkara tersebut dan saya ingin menegaskan bahawa bukanlah menjadi hasrat Kerajaan untuk melepaskan tangan sahaja setelah sesuatu khidmat awam diswastakan. Oleh kerana soal kebajikan pekerja-pekerja memangnya satu soal yang sangat penting, Kerajaan akan memastikan supaya pekerja-pekerja yang terlibat tidak akan mengalami kerugian. Hal ini telah ditegaskan sendiri oleh Y.A.B Perdana Menteri baru-baru ini. Pekerja-pekerja, sebaliknya, dijangka akan mendapat faedah yang lebih di bawah dasar penswastaan, lebih-lebih lagi dalam jangka masa panjang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semua perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (31hb Oktober, 1983).

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,675,890,470 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1984, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 1983, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (28hb Oktober, 1983).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Sandakan.

3.38 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Belanjawan 1984 mencadangkan peruntukan belanjawan sebanyak \$27,692 juta di mana \$19,016 juta atau 69% adalah untuk belanjawan mengurus dan sejumlah \$8,676 juta atau 31% untuk belanjawan pembangunan.

Untuk belanjawan mengurus ini sebanyak \$4,805 juta atau 25.3% akan diperuntukkan untuk mengservicekan hutang negara. Jumlah hutang negara setakat penghujung 1983 adalah dianggarkan sebanyak \$50,365 juta. Tambahan 23% berbanding dengan hutang negara pada penghujung tahun 1982 berbanding dengan GNP dari segi proportion, jumlah hutang Pusat Kerajaan yang masih belum lagi dijelaskan pada penghujung tahun 1983 adalah dianggarkan sebanyak 79% berbanding dengan 71% pada penghujung tahun 1982.

Kadar hutang negara kita telah sampai ke tahap genting terutama hutang luar negara yang telah meningkat dari \$12,542 juta kepada \$17,779 juta pada penghujung tahun 1983, tambahan sebanyak 42%. Pengservisan hutang dijangka meningkat sebanyak 44% iaitu kepada \$3,930 juta dalam 1983 berbanding dengan \$2,723 juta dalam tahun 1982. Ini merupakan kira-kira 22% dari hasil Kerajaan Persekutuan berbanding dengan 16% dalam tahun 1982.

Tahap hutang negara kita telah sampai ke tahap yang merbahaya dan sekiranya ini berterusan, kita akan mengalami nasib yang menimpa Brazil atau Mexico. Brazil telah sampai ke suatu peringkat di mana ia tidak berupaya membayar balik hutang-hutang asingnya dan kini menghadapi kebangkrapan.

Pada masa yang sama adalah salah bagi Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran minyak mentah untuk

menanggung pengservisan hutang-hutang kita. Ini akan mengurangkan harga minyak mentah kita dan di samping itu mengurangkan simpanan minyak kita. Walaupun langkah-langkah ini merupakan langkah-langkah "palliative" semata-mata, ia akan menjejaskan kedudukan ekonomi kita dan mungkin kita akan terpaksa 'devalue' nilai matawang kita semata-mata untuk membayar hutang-hutang kita. Bukanlah satu perkara yang dibanggakan untuk menyatakan bahawa kita boleh memperolehi pinjaman-pinjaman disebabkan kekukuhan ekonomi kita serta keyakinan yang bank-bank menaruh pada kita. Kita haruslah mengukur baju mengikut badan.

Sebenarnya suatu siri langkah-langkah harus diambil untuk mengurangkan hutang-hutang asing kita. Pertama, Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah yang pragmatis berkuat dengan pesat hutang-hutang asing kita.

Kedua, kajian-kajian kemungkinan ke atas projek-projek yang bakal dilaksanakan haruslah diadakan dan senantiasa di kawal (monitor) oleh pakar-pakar. Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah untuk memastikan terdapat pembaziran yang paling minima. Juga akaun tabiliti yang sempurna terhadap projek-projek harus diberi. Mana-mana projek yang tidak menguntungkan rakyat atau memberi kesempatan untuk amalan-amalan rasuah haruslah dihadapi dengan serta merta. Mana-mana pegawai yang didapati korap baik pun dari segi moral atau undang-undang harus didakwa tanpa mengira kedudukannya dalam masyarakat.

Ketika menjawab pertanyaan yang ditanya oleh saya pada 25hb Oktober, 1983, Perdana Menteri telah menyatakan bahawa tawaran untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan telah dibuat secara rasmi pada Julai 23, 1983.

Cadangan untuk menjadikan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah amat mengejutkan kerana rakyat Sabah tidak pernah dirundingkan terlebih dahulu. Malah, saya terkejut untuk mendapati bahawa perkara itu diumumkan secara awam oleh Ketua Menteri Sabah pada 1hb Ogos, 1983 dan saya terkejut sekali untuk mendapat tahu bahawa cadangan tersebut telah diputuskan secara rasmi pada 23hb Julai, 1983 sedangkan saya difahamkan Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan cadangan tersebut pada 27hb Julai, 1983. Sekiranya ini benar, apakah dapat bagi kita untuk membuat suatu tanggapan bahawa Ketua Menteri Sabah telah bertindak secara perseorangan tanpa perundingan dan kelulusan terlebih dahulu Jemaah Menteri Sabah.

Apa yang lebih penting dan mengkagumkan ialah isu yang begitu penting ini tidak pernah dirundingkan dengan rakyat Sabah serta pendapat mereka ke atas isu ini tidak diperolehi.

Tidak pernah diduga apabila Sabah menyertai Malaysia dalam tahun 1963 bahawa sebahagian penting negeri tersebut akan diberikan kepada Kerajaan Pusat, dengan izin, "on a silver platter".

Cadangan Kerajaan BERJAYA itu mencabuli manifesto pilihanraya negeri, 1976 Parti Berjaya sendiri yang berjanji, dengan izin, "to preserve and protect the rights and interest of Sabah within Malaysia".

Dengan pengisytiharan Labuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan, rakyat bukan sahaja akan dinafikan Wakil-wakil Dewan Undangan Negeri mereka, tetapi juga Sabah akan rugi erti kata hasil dan pendapatannya.

Labuan adalah sebuah pulau yang pesat membangun dengan berbagai projek industri berat seperti UHT Milk Plant, Sabah Shipyard, Labuan Wood

Products, Methanol Power Plants, Sponge Iron Plants dan Gas Gird Complex. Lanjutannya, kebanyakan padang-padang minyak Sabah adalah bertempat di jauh laut Labuan dan Negeri Sabah memperoleh kebanyakan hasil minyaknya dari Labuan.

Dengan perisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan, apakah ini akan bermakna rakyat Sabah akan dinafikan syer hasil minyak mereka? Sabah seharusnya terus menerima apa-apa hasil yang sepatut diterimanya dari minyak dan gas sekiranya Labuan menjadi sebuah Wilayah Persekutuan.

Saya juga terkejut untuk memerhatikan daripada jawapan Perdana Menteri itu bahawa pampasan tidak akan dibayar kepada Sabah sekiranya Labuan menjadi Wilayah Persekutuan. Takkanlah Kerajaan telah terlupa bahawa ia telah membayar sebanyak kira-kira \$3 billion kepada negeri Selangor apabila ia mengambil-alih Kuala Lumpur untuk dijadikan Wilayah Persekutuan.

Parti DAP mencadangkan supaya satu pungutan suara diadakan di Sabah untuk memastikan hasrat rakyat negeri tersebut berhubung dengan perkara ini. Sebuah Kerajaan yang mendakwa dirinya sebagai terbuka dan liberal tidaklah seharusnya takut untuk menganjurkan pungutan suara seumpama itu. Lebih lanjutnya, penganjuran pungutan suara adalah penting dan relevan, memandangkan hakikat bahawa perkara menjadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan tidak pernah dijadikan suatu isu oleh BERJAYA dalam Pilihanraya Umum Negeri, 1981.

Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa pemilik tanah yang terbesar di Labuan adalah Ketua Menteri Sabah sendiri, Datuk Harris Salleh yang memiliki kira-kira 70% daripada tanah di Labuan.

Apa yang dipersoalkan oleh rakyat adalah sama ada Datuk Harris Salleh akan merupakan orang yang paling beruntung sekali dari penukaran status Labuan kepada sebuah Wilayah Persekutuan, akibat kenaikan nilai harta milik dengan pelaksanaan projek-projek Persekutuan di Labuan.

Jika keseluruhan isu Labuan menjadi Wilayah Persekutuan akan pada akhirnya paling menguntungkan Datuk Harris Salleh

Tuan Mohd. Yahya bin Lampong: *(Bangun).*

Tuan Yang Dipertua: Ya, bangun atas apa?

Tuan Mohd. Yahya bin Lampong: Hendak minta jalan.

Tuan Yang Dipertua: Hendak minta jalan, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yahya bin Lampong: Bolehkah, Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat daripada Sandakan membuktikan bahawa Datuk Harris Salleh memiliki tanah seluas 70% daripada tanah yang wujud di Labuan? Kalau tidak, saya harap Dewan ini tidak dibuat untuk memutar-belitkan kenyataan oleh sebab sepanjang yang saya tahu, Datuk Harris Salleh tidak mempunyai tanah seluas 70% daripada tanah di Labuan.

Tuan Fung Ket Wing: Jika keseluruhan isu Labuan menjadi Wilayah Persekutuan akan pada akhirnya paling menguntungkan Harris Salleh, beliau mesti mengumumkan kepentingan kewangan beliau dalam cadangan ini.

Saya mencadangkan bahawa untuk mengelakkan apa-apa syak wasangka berhubung dengan motif-motif persendirian dalam hal Labuan, Kerajaan Negeri Sabah patut dengan serta-merta mengeluarkan suatu perintah perolehan tanah ke atas kesemua tanah kepunyaan Harris

Salleh di Labuan, supaya nilai-nilai harta milik tidak akan melambung naik akibat cadangan Labuan ini. Juga, apabila Labuan menjadi Wilayah Persekutuan, Kerajaan Persekutuan dapat

Tuan Haji Dasuki bin Haji Ahmad: *(Bangun).*

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, nampaknya Yang Berhormat yang berkenaan bukan sahaja membaca tetapi dia dibaca oleh Yang Berhormat dari Kepong dan diikuti oleh Yang Berhormat yang berkenaan. Rasanya tidak munasabah dalam Dewan yang mulia ini berlaku demikian.

Tuan Yang Dipertua: Saya minta Yang Berhormat dari Sandakan teruskan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: On a point of order 36—seseorang ahli yang boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain. Datuk Harris Salleh merupakan Ahli dalam Dewan ini juga dan ini adalah sangkaan jahat mengatakan dia ini memiliki tanah dan jika sekiranya tuduhan ini benar, jadi minta Wakil dari Sandakan tarik balik perkataan ini, kalau tidak dia sanggup mengeluarkan tuduhan ini di luar daripada Dewan ini.

Tuan Yang Dipertua: Saya fikir Yang Berhormat itu berhak mengeluarkan apa yang dikatakan itu dengan kerana mengikut Peraturan 36, seseorang Ahli itu hendaklah bertanggungjawab di atas apa-apa yang dicakapkan. Sila teruskan.

Tuan Fung Ket Wing: Juga, apabila Labuan menjadi Wilayah Persekutuan, Kerajaan Persekutuan dapat memperolehi tanah yang

diperlukannya bagi pembangunan Persekutuan, manakala yang lainnya dapat dijual kepada orang awam melalui public auction.

Bagi Harris Salleh, beliau dapat memperoleh harga semasa tanah

Tuan Yang Dipertua: Point of order.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: On a point of order 65, seorang Ahli tidak dibenarkan menyebut nama Ahli lain, beliau menyebut nama Ahli lain.

Tuan Yang Dipertua: Beliau berkata Harris Salleh sebagai Ketua Menteri Sabah, bukan sebagai Wakil Parlimen kita.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tetapi dia juga sebagai Ahli Parlimen.

Tuan Yang Dipertua: Dia mungkin mengatakan dalam konteks Ketua Menteri Sabah.

Tuan Fung Ket Wing: Dan mengelakkan apa-apa syak wasangka bahawa beliau adalah sengaja mengutarakan cadangan menjadikan Labuan sebuah Wilayah Persekutuan, hanya kerana kepentingan-kepentingan peribadi.

Datuk Dr James P. Ongkili: On a point of order, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua: Ya, on a point of order.

Datuk Dr James P. Ongkili: Dalam Dewan yang mulia ini semua Ahli Yang Berhormat ialah supaya kalau seseorang Ahli Yang Berhormat itu berucap dia sahaja yang berucap. Yang kita nampak dengan mata kepala kita sendiri Ahli dari Sandakan, bukan dia yang berucap sahaja tetapi Ahli dari Kepong menjadi jurumudi dari belakang.

Tuan Yang Dipertua: Ya, saya nampak dia jadi jurumudi. Dia tolong

memperbaiki pronounciation sahaja bukan ucapan dia sendiri. Yang dibacanya ialah ucapan dia sendiri, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu hanya menolong di atas pronounciation. Saya melihat daripada sini, saya nampak lebih jelas (*Ketawa*).

Tuan Fung Ket Wing: Rasuah adalah sebuah barah yang mesti dibenteras tanpa pilih kasih. Di Sabah ia adalah hampir-hampir merupakan suatu cara hidup.

Di persidangan Perwakilan Berjaya, pada 25hb September 1983, Ketua Menteri Sabah telah mengutuk pemimpin-pemimpin Berjaya kerana rasuah terbuka dan an aptitude yang keterlaluan. Beliau telah mengkritik, dengan izin, the feeling of complacency, the extent of self-interest, selfishness, greed, indiscipline, dishonesty and disloyalty.

Beliau juga menyeru kepada mereka memeriksa sebab-sebab di belakang penyalahgunaan wang awam oleh ahli-ahli politik dan kakitangan-kakitangan Kerajaan.

Taraf rasuah di Sabah adalah paling tinggi, dan tidak perlu terlalu ditekankan. Nampaknya, ia telah menjadi sesuatu cara hidup.

Apabila Berjaya memegang teraju kepimpinan dalam tahun 1976, secara terbuka ia telah mengamalkan politik penaungan (patronage) dan memperkenalkan suatu Skim ABC, di mana pemimpin-pemimpin Berjaya telah digolongkan kepada ketegori-kategori A, B, C dan telah dihadiahkan konsessi kepingan-kepingan tanah pembalakan. Selain daripada ini, pelbagai kontrak perniagaan telah diberikan kepada mereka. Keadaan ini adalah dimanifestasikan dalam suatu kenyataan oleh Ketua Menteri Sabah pada bulan April tahun ini, di mana beliau telah mengutuk pemimpin-pemimpin Berjaya yang mengharap parti serta Kerajaan

Negeri untuk menarik mereka keluar daripada hutang-hutang persendirian dan kesukaran-kesukaran akibat diri sendiri, tanpa menghiraukan keperluan-keperluan rakyat. Beliau juga telah menyatakan bahawa rungutan telah kedengaran yang mengatakan bahawa mereka tidak diberikan tanah pembalakan atau kontrak perniagaan yang mencukupi dan inilah yang menyusahkan mereka sekarang.

Nampaknya, kritikan-kritikan Ketua Menteri Sabah ini terhadap rasuah tidak diendahkan oleh Biro Pencegahan Rasuah. Biro ini sebenarnya patut mengambil tindakan serta merta apabila dakwaan-dakwaan rasuah dibuat; ia patut meminta Ketua Menteri Sabah membekalkan maklumat serta bukti kepada BPR untuk membolehkannya mengambil tindakan. Setakat kenyataan-kenyataan dan omong-omong kosong tidak mencukupi, dan saya ingin meminta BPR jikalau ia telah bertemu dengan Ketua Menteri setelah beliau membuat dakwaan-dakwaan di atas di Persidangan Perwakilan Berjaya, dan jika ya, untuk menyatakan hasil penyiasatan-penyiasatan yang telah dijalankan.

Pada bulan September tahun ini, telah dilaporkan bahawa seramai 1,598 orang pribumi adalah berhutang sebanyak \$104.4 juta kepada Kerajaan negeri Sabah, dan bahawa hampir-hampir setengah daripada jumlah ini adalah dihutangkan oleh kurang daripada 1% siberhutang, berbanding dengan 99% yang lain; 15 daripada mereka menghutangkan sejumlah \$51.3 juta.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Laporan ini telah secara langsung menggalakkan unit Penyertaan Bumiputra, Jawatankuasa Kewangan Sabah dan suatu "Jawatankuasa

Implementasi". Ia juga telah menyalahkan Pengarah Yunit Pelaburan Pribumi, Haji Yahya Lampong yang telah bertugas sebagai Setiausaha "Jawatankuasa Implementasi", . . .

Tuan Mohammad Yahya bin Lampong: Tuan Yang Dipertua . . .

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Adakah Yang Berhormat membangkitkan berkenaan dengan Peraturan Mesyuarat?

Tuan Mohammad Yahya bin Lampong: Tidak boleh sebut nama, Tuan Yang Dipertua.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Peraturan Mesyuarat nombor 36 (5). Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36 (5) telah dibangkitkan di mana Ahli Yang Berhormat daripada Kota Belud membantah kegunaan namanya sendiri dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan. Keputusan saya ialah supaya Ahli Yang Berhormat dari Sandakan tidak menyebutkan nama Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud dalam ucapan.

Tuan Fung Ket Wing: Laporan unit Pelaburan Pribumi Yang Berhormat dari Kota Belud bertugas sebagai Setiausaha Jawatankuasa Implementasi kerana telah mengeluarkan pinjaman-pinjaman tanpa rujukan kepada atau lulusan Jawatankuasa tersebut. Laporan ini terus menyatakan bahawa sebelum Mei 1978, "Jawatankuasa Implementasi" ini yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, nampaknya tidak menentukan apa-apa garis panduan berhubung dengan meluluskan permohonan-permohonan pinjaman.

Ini adalah suatu keadaan yang amat menyedihkan, dan saya berasa hairan bahawa seramai 15 pribumi telah memperolehi sebanyak \$51.3 juta

pinjaman, atau kira-kira setengah daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan. Jika Kerajaan benar-benar ikhlas dalam keinginan menolong pribumi, ia pasti tidak membenarkan beberapa orang sahaja dengan perhubungan-perhubungan politik yang teguh untuk menyalurkan begitu banyak wang keluar. Wang ini separuhnya menolng mereka yang miskin, bukan pribumi-pribumi yang kaya serta berpengaruh.

Sehingga hari ini, pihak berkuasa masih belum mendedahkan nama-nama 15 orang yang berjaya memperolehi pinjaman-pinjaman yang begitu besar. Saya menyeru kepada Kerajaan untuk menyatakan nama-nama ini, supaya rakyat dapat mengenali mereka yang hanya pentingkan kehendak-kehendak diri sendiri.

Mengikut Pengarah Pelajaran Sabah, dari tahun 1973 hingga 1961, kira-kira 120,000 penuntut telah mengikuti peperiksaan LCE daripada mana 70,000 telah gagal yang merupakan 41.7%. Dalam jangka masa yang sama, 30,000 murid-murid telah mengikuti peperiksaan MCE di mana hanya 19,000 telah berjaya daripada 1,480 murid-murid yang menduduki STP/HSC pula, hanya 333 memperolehi Sijil penuh.

Sebab-sebab bagi prestasi yang kurang baik ini dikatakan disebabkan oleh kekurangan guru-guru terlatih, alat-alat pelajaran dan lain-lain kemudahan di sekolah-sekolah.

Kekurangan guru-guru terlatih adalah diburukkan lagi oleh hakikat bahawa guru-guru Malaysia Barat yang dilatih di Sabah pulang semula ke Semenanjung setelah kontrak mereka selesai. Jadi, bilangan guru-guru yang berpengalaman terus menurun tahun demi tahun.

Keadaannya adalah jauh lebih buruk di sekolah-sekolah menengah atas; sebagai contoh, 899 guru-guru

kelulusan universiti adalah diperlukan di Sabah tetapi kita hanya diberikan 405 atau 45% keperluan yang sebenar. Keadaannya tidak mungkin sebegitu buruk jika pihak berkuasa tidak memberhentikan perkhidmatan guru-guru expatriate yang mengajar di Sabah dengan sewenang-wenangnya.

Suatu lagi faktor yang menyebabkan kepada masalah ini adalah taraf moral serta semangat yang rendah di kalangan guru-guru UTS, yang masih belum diserapkan ke dalam perkhidmatan tetap. Masalah berhubung dengan guru-guru UTS telah begitu lama wujud, dan saya mendesak Kerajaan untuk menyerapkan semua guru-guru UTS ke dalam perkhidmatan secepat mungkin. Perkhidmatan mereka kepada Sabah dan perguruan mesti juga diiktirafkan.

Saya juga mencadangkan penubuhan lebih universiti dan kolej-kolej teknikal di negara ini. Memandangkan bahawa pendidikan luar negeri adalah menjadi semakin mahal dan murid-murid luar negeri semakin tidak diterima, adalah perlu bagi universiti-universiti dan politeknik-politeknik yang lebih didirikan untuk menampung keperluan-keperluan rakyat.

Selepas pertikaian MAS-AEU, Kerajaan meminda Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Perusahaan Perhubungan 1967 untuk menyekat dan mengkongkong kesatuan-kesatuan sekerja. Akibat bantahan kuat dari Kesatuan Sekerja dan DAP, Kerajaan telah meminda Ordinan Pekerjaan 1955 untuk menyediakan faedah-faedah yang lebih baik bagi pekerja-pekerja. Walau bagaimanapun, ini hanya merujuk kepada pekerja-pekerja di Semenanjung Malaysia sahaja.

Pada 10hb Julai 1982, Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah mengumumkan bahawa Ordinan

ini akan diperluaskan ke Sabah serta Sarawak dalam tahun 1983, setelah beberapa pindaan dibuat kepadanya. Akan tetapi, baru-baru ini, Kerajaan mengumumkan bahawa ini akan hanya dilaksanakan di Sabah dan Sarawak dalam tahun 1985. Ini telah merupakan sesuatu yang amat menghampakan serta mengejutkan pekerja-pekerja di situ yang selama ini telah terdedah kepada eksploitasi. Sebab yang diutarakan oleh Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat adalah bahawa kedua-dua negeri tersebut tidak menyokong perluasan Ordinan ini dan bahawa ianya tidak sesuai dengan keperluan-keperluan serta keanihan-keanihan Sabah serta Sarawak.

Ini tidak boleh diterima sama sekali dan adalah amat mengkagumkan. Pekerja-pekerja Sabah serta Sarawak hanya mahu menikmati manfaat-manfaat yang sedang dinikmati oleh rakan-rakan mereka di Malaysia Barat. Pastilah bahawa sebagai warganegara-warganegara Malaysia, mereka berhak menerima keuntungan-keuntungan yang sama juga.

Nampaknya kelambatan dalam memperluaskan Ordinan ini ke Sabah dan Sarawak adalah akibat perbantahan yang kuat dari majikan-majikan dan Kerajaan Negeri telah menyokong pihak majikan-majikan walaupun mereka patut melindungi kepentingan-kepentingan pekerja-pekerja. Suratkhbar *New Straits Times* pada 26hb Oktober 1983 telah melaporkan bahawa Kesatuan-kesatuan Sekerja di Sabah menyokong perluasan Akta tersebut ke Sabah, dan bahawa 16 Kesatuan-kesatuan Sekerja telah menghantar suatu surat rayuan kepada pemimpin-pemimpin negeri serta kebangsaan, menyahutkan perlunya perluasan Ordinan tersebut dilaksanakan dengan serta-merta.

Kemasukan pelarian-pelarian Filipina serta pendatang-pendatang haram Indonesia yang tidak terhad ke

dalam Sabah adalah suatu perkara yang mengganggu kepada rakyat Sabah. Kerajaan Sabah telah membenarkan mereka memasuki Sabah kononnya atas dasar peri kemanusiaan dan memenuhi keperluan gunatenaga di Sabah. Walau bagaimanapun, dalam hal ini Kerajaan tidak mengindahkan beberapa faktor, seperti keselamatan dan kemakmuran negeri tersebut. Bolehlah dinyatakan tanpa keraguan bahawa kehadiran pelarian-pelarian Filipina di Sabah telah menyumbang secara besar-besaran kepada kadar jenayah yang melambung tinggi di Sabah.

Semenjak kemasukan pelarian-pelarian Filipina ini beramai-ramai, bilangan pembunuhan, rompakan, kes rogol dan pertempuran-pertempuran sambil lari dengan pihak polis telah bertambah, di mana kebanyakan mereka yang bersalah adalah rakyat Filipina. Walaupun dari masa ke semasa pihak polis telah mengambil tindakan mengepung mereka, ini telah pun dibuktikan sebagai sebuah latihan sis-sia sahaja. Suatu keputusan dasar mesti diambil untuk mengembalikan mereka kepada negeri asal, jika kita tidak mahukan Sabah dibanjiri oleh pelarian-pelarian Filipina di masa depan.

Di antara samaran yang digunakan untuk memasuki Sabah adalah dengan bertopengkan peniaga-peniaga pertukaran. Kapal-kapal yang penuh dengan rakyat Filipina didapati berlabuh di Pelabuhan Sandakan; setelah menurunnya, mereka diperlihatkan menuju dengan serta-merta kepada koloni Filipina yang terdekat di Sandakan dan setelah beberapa bulan sahaja, mereka berjaya memperolehi kad-kad pengenalan biru.

Dalam bulan Januari tahun ini, sebuah tongkang demikian bernama "The Almaylin" yang membawa 226 orang Filipina telah karam di Pulau

Tambisan, di mana lebih daripada 100 orang telah mati lemas. Dengan 226 orang di atas sebuah kapal yang kecil, adalah mustahil bagi mereka mengangkut barang-barang, jika ada pun. Kalaulah tongkang ini tidak karam mereka ini pasti dapat berlabuh di Sandakan dan dalam jangka masa yang singkat, memperolehi taraf warganegara Malaysia. Bahawa kadar jenayah yang melambung di Sabah adalah disebabkan terutama sekali oleh pelarian-pelarian Filipina dan pendatang-pendatang haram Indonesia telah diiktiraf oleh tidak lain tidak bukan, Ketua Polis Negara sendiri, beliau telah menyumbangkan kadar jenayah yang tinggi terutama sekali jenayah-jenayah serius kepada kemasukan buruh-buruh pendatang, yang bermakna pendatang-pendatang haram Filipina serta Indonesia. Untuk tahun 1979 sahaja, kadar jenayah serius telah merupakan 37% lebih tinggi daripada tahun 1978; ia telah bertambah sebanyak 46% antara tahun 1979 dan 1982, dan melambung naik 57% antara 1980 dan 1981.

Aktiviti-aktiviti jenayah pelarian-pelarian serta pendatang-pendatang haram ini bukan sahaja terhad kepada bandar-bandar tetapi telah merebak kepada kampung-kampung juga. Saya telah diberitahu oleh rakan-rakan Melayu saya bahawa kawasan-kawasan perikanan di sekeliling pelabuhan Sandakan telah dikuasai oleh pelarian-pelarian Filipina dan sebilangan rakyat Melayu di sebuah kampung di seberang bandar Sandakan telah dipaksa meninggalkan kampung mereka apabila diatasi oleh kehadiran pelarian-pelarian ini.

Hakikat bahawa Ahli Yang Berhormat dari Bandau sendiri telah mendakwa bahawa kehadiran pelarian-pelarian ini telah menyumbangkan kepada aktiviti-aktiviti jenayah yang kian menaik seperti pembunuhan dan rompakan di Sabah, adalah membuktikan dakwaan-dakwaan saya

yang telah saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini seawal 1978.

Saya mencadangkan dengan seriusnya kepada Kerajaan untuk mengambil langkah-langkah yang tegas ke atas pelarian-pelarian Filipina serta pendatang-pendatang haram Indonesia di Sabah, kerana kehadiran mereka sahaja merupakan suatu ancaman yang serius serta mengancam keselamatan Sabah.

Kementerian Kewangan telah mendakwa semasa membentangkan Belanjawan 1984 bahawa Kerajaan akan tetap memberikan prioriti utama kepada projek-projek yang berkaitan dengan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru, iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Sejumlah \$1,994 juta telah diperuntukkan bagi projek-projek membasmi kemiskinan, manakala \$594 juta pula bagi menyusun semula masyarakat.

Tuan Yang Dipertua, Laporan Pembangunan Dunia 1982 telah mengemukakan perangkaan-perangkaan berikut mengenai pengagihan pendapatan bagi isirumah-isirumah dan Malaysia mempunyai di antara pengagihan pendapatan yang terendah di kalangan 20% jumlah penduduk terbawah:

<i>Negara</i>	<i>20% paling atas</i>	<i>20% terbawah</i>
Brazil	67%	2%
Malaysia	57%	3%
India	49%	7%
Britain	39%	6%

Daripada angka-angka di atas, kita dapati bahawa masalah kemiskinan Malaysia adalah kedua hanya kepada Brazil, sebuah negara yang kini adalah hampir-hampir bankrap. Di Malaysia, 57% daripada pendapatan negara adalah diagihkan di kalangan 20% jumlah penduduk atasan, manakala 3% pendapatan negara dibahagikan di kalangan 20% penduduk terendah.

Daripada angka-angka ini, Malaysia adalah jauh lebih teruk daripada India, sebuah negara yang keadaan kemiskinannya adalah terkenal di mana 47% daripada pendapatan negara adalah diagihkan di kalangan 20% jumlah penduduk atasan, manakala 7% pula dibahagikan di kalangan 20% penduduk terendah. Nampaknya setelah 26 tahun merdeka, Malaysia telah mencari jalannya ke dalam kategori negara miskin.

DAP menyeru kepada Kerajaan untuk meneliti masalah kemiskinan dan mengesyorkan bahawa pendapatan negara adalah diagihkan dengan sempurna, supaya 20% golongan pendapatan terendah dapat menikmati sebahagian pendapatan negara yang lebih besar, daripada memberikannya kepada sebilangan kecil sahaja. Lebih perhatian patut diberikan kepada pembasmian kemiskinan di Malaysia terutama sekali di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, telah dibawa kepada perhatian saya bahawa setengah-setengah bank telah diluluskan pinjaman-pinjaman perumahan kepada pelanggan-pelanggan mereka tanpa amalan-amalan bank yang wajar, yang menyebabkan pelanggan-pelanggan mereka mengalami kerugian-kerugian kewangan yang serius. Di sini, saya ingin menyebutkan satu kes di Sandakan, seorang pemaju perumahan telah membina kira-kira 200 buah rumah. Kebanyakan daripada pembeli-pembeli telah memperolehi pinjaman daripada Development and Commercial Bank. Bank ini telah memindahkan 80% daripada pinjaman itu kepada pemaju perumahan sejourus setelah surat penawaran ditandatangani. Perjanjian jualan dan belian yang diikatkan oleh si pemaju dan pembeli-pembeli pada awal bulan April 1980 telah memperuntukkan suatu senarai pembayaran bagi pembeli-pembeli mengikut Perjanjian

tersebut, pembeli-pembeli hanya dikehendaki membayar 40% daripada harga pembelian rumah dalam jangka masa 18 bulan setelah ianya ditandatangani.

Baki sebanyak 60% adalah perlu dibayar melalui pinjaman perumahan pembeli-pembeli sendiri. Selanjutnya menurut perjanjian ini, pemaju mesti menyelesaikan pembinaan rumah-rumah yang terlibat dalam masa 18 bulan setelah perjanjian ditandatangani.

Apabila pembeli-pembeli memperolehi pinjaman-pinjaman mereka daripada Development and Commercial Bank di Sandakan sebanyak 80% pinjaman itu telah dilepaskan oleh bank kepada pemaju, setelah surat tawaran diterima dan jumlah pinjaman dikreditkan ke dalam akaun pinjaman perumahan pembeli-pembeli. Wang ini telah diremit kepada pemaju melalui seorang peguam.

Pembeli-pembeli telah dikehendaki membayar faedah ke atas jumlah penuh pinjaman yang dibuat daripada hari pertama pinjaman-pinjaman itu dikeluarkan secara partial. Pemaju boleh menggunakan faedah yang diperolehi untuk menampung pembayaran wang penghabisan untuk menghabiskan projek tersebut. Dalam hal ini, semua pembeli-pembeli telah menderita kerana apabila mereka menyedari perbuatan bank tersebut, mereka telah diberitahu bahawa jumlah wang itu telah dibuat kepada pemaju atas dasar progresif, berdasarkan Sijil Akitek. Pada hakikatnya, Sijil Akitek ini telah hanya dikeluarkan pada 7 hb Mac, 1983. Daripada masa apabila pinjaman-pinjaman perumahan telah dikeluarkan oleh bank kepada pemaju hingga pengeluaran Sijil Akitek tersebut, rumah-rumah ini sudah pun 19½ bulan terlewat daripada pembinaannya. Pembeli-pembeli telah

disuruh membuat pembayaran-pembayaran semula sebulan selepas pengeluaran pinjaman-pinjaman ini dibuat.

Apabila mereka mempersoalkan ini, mereka telah diancam dengan tindakan undang-undang, atau penarikan balik pinjaman-pinjaman mereka oleh bank. Dalam keadaan demikian, pembeli-pembeli telah terpaksa menderita dalam kesunyian. Terdapat banyak lagi amalan-amalan salah demikian di dalam industri bank, yang amat merugikan pelanggan-pelanggan pinjaman kecil.

Saya menyeru kepada Kerajaan untuk mengadakan pemeriksaan-pemeriksaan yang lebih kerap ke dalam semua bank dan menyiasat kecurangan-kecurangan yang wujud di dalam industri bank untuk mengesyorkan bahawa pelanggan-pelanggan pinjaman kecil tidak dieksploitasikan oleh bank sehingga mengalami kerugian-kerugian kewangan. Pesalah-pesalah ini mesti didenda dengan sewajarnya.

Saya juga menyeru kepada Kerajaan untuk mempercepatkan penggubalan suatu perjanjian Jualan serta Belian yang seragam, dengan mengesyorkan bahawa kepentingan-kepentingan pembeli-pembeli rumah adalah dilindungi.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

4.38 ptg.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Yang Dipertua, saya turut menyokong Belanjawan 1984 berjumlah \$27,692 juta terdiri dari \$19,016 juta untuk Belanja Mengurus dan \$8,676 juta Perbelanjaan Pembangunan.

Belanjawan tahun 1984 adalah berkurangan berbanding dengan Belanjawan 1982 dan 1983 dan ini

meneruskan lagi arah belanjawan yang berkurangan dan makin menurun sejak beberapa tahun ini. Walau bagaimanapun saya yakin bahawa keadaan ini akan dapat diatasi di tahun-tahun yang akan datang berdasarkan kepada ekonomi dunia dan negara yang semakin pulih kebelakangan ini. Memandangkan masalah-masalah, had-had dan suasana ekonomi yang dihadapi oleh negara Belanjawan 1984 keseluruhannya bolehlah dianggap sebagai sesuai dengan masa dan keadaan. Tetapi yang penting ialah Belanjawan 1984 tidak akan memburukkan lagi masalah kewangan serta meningkatkan hutang negara yang telah mencapai tahap yang lebih tinggi sekarang sungguhpun belum sampai ke peringkat bahaya sebagaimana cuba dikelirukan oleh ketua dan ahli-ahli DAP. Di samping bertujuan mengatasi masalah dan mengukuhkan lagi imbalan pembayaran negara, cadangan-cadangan cukai sama sekali tidak membebaskan dan memberatkan rakyat terutamanya sekali golongan-golongan berpendapatan rendah dan miskin.

Hampir seluruh golongan dan lapisan masyarakat telah menyambut baik dan mengalu-alukan Belanjawan 1984 ini. Ketua Pembangkang sendiri pun mendapati tidak banyak yang dapat dipikatakan tentang belanjawan tahun depan sehinggalah di dalam ucapan beliau selama satu setengah jam membahaskan belanjawan ini beliau hanya menghabiskan masa membuat ucapan sensasi tentang isu BMF dan juga tidak banyak yang boleh dipikatakannya tentang belanjawan itu sendiri.

Tuan Yang Dipertua, telatah ketua DAP itu tidaklah menghairankan saya, malah kita telah mendengar terlalu banyak ucapan-ucapan kesat dan tidak berasas yang telah dihamburkan oleh beliau terhadap Kerajaan di dalam

Dewan ini. Ucapan-ucapan yang "sensational" ini bukanlah bertujuan apa-apa kecuali dengan satu design untuk mencari keuntungan dan mencapai matlamat politiknya dan politik DAP. Harus juga sensasi-sensasi begini ada tujuan-tujuan perniagaannya sebagaimana terbukti dengan pembukuan ucapan ketua parti DAP di dalam Parlimen yang telah dibukukannya berjudul "Malaysia in the Dangerous Eighties" yang telah dijual dengan harga \$12.00 sebuah.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh belanjawan 1984, sebagai anggota parti yang pemerintah, suka saya membangkitkan 2-3 perkara. Belanjawan 1984 pada keseluruhannya bukan sahaja berkurangan daripada tahun-tahun 1982 dan 1983, tetapi juga mengurangkan peruntukan bagi pembangunan kepada paras yang tinggi sedikit sahaja daripada peruntukan pembangunan 1979 dan perbelanjaan sebenar pembangunan dalam tahun 1980. Sementara peruntukan Perbelanjaan Pembangunan menunjukkan arah pengurangan (downward trend) dengan izin, Tuan Yang Dipertua, peruntukan Perbelanjaan Mengurus dipadati terus meningkat. Peruntukan 1984 adalah terdiri daripada 69% Belanja Mengurus dan 31% Belanja Pembangunan, sementara peruntukan pembangunan telah berkurangan sebanyak 26% berbanding dengan peruntukan 1983. peruntukan Perbelanjaan Mengurus telah meningkat sebanyak 11.3%.

Ini menunjukkan bahawa tanggungan Belanja Mengurus Kerajaan pada umumnya masih lagi tinggi, masih kurang flexible dan belum terkawal sepenuhnya, sementara keadaan kewangan negara telah memaksa projek-projek pembangunan ditangguh dan dibatalkan termasuk projek-projek sosio ekonomi dan projek-projek bagi penduduk-penduduk luar bandar nampaknya

keadaan yang sama tidak dapat mendorong tindakan-tindakan yang cukup dan berkesan untuk mengurangkan kos pengurusan negara.

Berbagai-bagai dasar dan langkah-langkah jimat-cermat Kerajaan dengan itu hendaklah dipandang lebih serius dan di kawal lebih berkesan lagi di masa-masa akan datang di peringkat pentadbiran dan pengurusan untuk menghasilkan penjimatan-penjimatan yang lebih besar.

Tuan Yang Dipertua, berdasarkan kepada peruntukan Perbelanjaan Mengurus bagi belanjawan 1984 yang berjumlah \$19.016 juta itu penjimatan 5% daripada peruntukan tersebut boleh menyelamatkan hampir \$1 billion wang negara. Penjimatan 2½% sahaja boleh menyelamatkan \$500 juta.

Pembaziran perbelanjaan Kerajaan bukan sahaja boleh disebabkan oleh perbelanjaan kurang perlu dan kurang terkawal malah juga oleh kerana kehilangan dan pembaziran masa kerja. Mengikut seorang cendekiawan di dalam sebuah bukunya, Tuan Yang Dipertua, sekiranya setiap orang kakitangan awam hilang 40% daripada masa kerja dan kekesanan kerjanya 700,000 orang pekerja awam akan menyebabkan negara rugi 715 juta jam kerja setiap tahun daripada jumlah 1.78 billion jam kerja dalam setahun. Jika satu jam kerja diberikan nilai \$10 hasil kerja sahaja, maka kehilangan nilai kerja bagi 700,000 kakitangan awam dalam setahun ialah \$7.1 billion. Pandangan begini mungkin dianggap sebagai hypothesis akademik semata-mata, tetapi kepada saya hujah ini sekurang-kurangnya memberikan "money sense" dengan izin, kepada kita.

Saya fikir, sekiranya seorang kakitangan awam hilang 20% sahaja daripada masa dan kekesanan kerjanya

700,000 orang pekerja awam akan menyebabkan negara rugi 357 juta jam kerja setahun dan jika satu jam diberikan nilai \$5 sahaja hasil kerja, maka kehilangan hasil kerja kakitangan awam kita niasih juga lagi besar iaitu sebanyak \$1 bilion.

Demikian, Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat keadaan ekonomi negara sekarang dan langkah-langkah penjimatan Kerajaan sepatutnya bukan sahaja bererti penjimatan dan pengurangan Perbelanjaan Pembangunan, tetapi juga di dalam perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan negara termasuk kawalan-kawalan terhadap kos-kos projek.

Tuan Yang Dipertua, saya mendapati hampir semua Ahli-ahli yang telah berucap sebelum ini telah menyentuh dan menyuarakan pandangan berat mereka terhadap masalah pembangunan luar bandar dan usaha-usaha pembasmian kemiskinan di negara ini. Sungguhpun telah banyak kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh negara, oleh Kerajaan dan kita mempunyai rekod yang cemerlang berhubung dengannya selama ini. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa masalah ini adalah merupakan isu thema yang penting dalam persidangan Parlimen kali ini dan menggambarkan hasrat serta kehendak-kehendak rakyat yang masih lagi perlu dititikberatkan.

Saya juga turut sama dengan Ahli-ahli tersebut bagi terus menekankan isu ini untuk perhatian Kerajaan di dalam usaha-usaha kita membina kesejahteraan dan kemakmuran negara dan rakyat.

Tuan Yang Dipertua, membasmi kemiskinan adalah objektif pertama sebelum objektif penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru. Kumpulan-kumpulan miskin adalah terdiri daripada petani-petani, nelayan-nelayan, pekebun-pekebun kecil getah dan kelapa dan juga

peladang-peladang. Kerajaan telah menetapkan matlamat supaya kemiskinan hendaklah dikurangkan ke paras tidak lebih 17% dalam tahun 1990 dan kerana itu usaha ini adalah merupakan proses yang berterusan yang perlu dicapai melalui Rancangan-rancangan Lima Tahun dan strategi-strategi belanjawan tahunan. Apa yang agak membimbangkan saya ialah bahawa belanjawan 1984 sebagaimana juga belanjawan 1983 pada pandangan saya telah tidak dapat meneruskan lagi keutamaan secara relatif terhadap usaha-usaha pembasmian kemiskinan terutamanya pembangunan luar bandar sebagaimana di masa-masa yang lalu, dan ini tentulah akan membantu dan menjejaskan pencapaian matlamat utama pembangunan negara ini.

Sungguhpun belanjawan 1984 akan menghasilkan penambahan peluang-peluang pekerjaan di dalam sektor pertanian dan perindustrian, saya berpendapat ia tidak mampu mendatangkan kesan yang besar dan sepatutnya di bidang perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan asas seperti perumahan kos rendah, jalan, sekolah, kesihatan, bekalan elektrik, air dan lain-lain terutamanya di luar-luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, bila memberikan statistik tentang kemiskinan di negara ini Kerajaan biasanya sangat cenderung menganggap kemiskinan secara mutlak bukan secara relatif dan mengukur kemiskinan berdasarkan garis kemiskinan yang telah ditetapkan. Konsep kemiskinan begini pada pandangan saya mungkin tidak dapat menggambarkan keadaan kemiskinan yang sebenarnya di negara ini, oleh kerana sebenarnya jurang pendapatan telah meningkat walaupun kadar kemiskinan telah menurun. Kualiti hidup golongan-golongan miskin juga tidak pesat berubah terutamanya di luar-luar bandar.

Cara menunjukkan kemiskinan mengikut peratus isi rumah juga boleh mengelirukan di mana jika peratus isi rumah yang miskin telah turun dengan besarnya, kita akan menganggap bahawa bilangannya juga turut berkurangan. Sebagai contoh peratus isi rumah miskin di negara ini telah turun daripada 49.3% dalam tahun 1970 kepada 43.9% dalam tahun 1975 dan 29.2% dalam tahun 1980. Ini agak mengelirukan oleh kerana bilangan isi rumah miskin bagi tempoh masa tersebut sebenarnya telah tidak banyak berubah iaitu daripada 791,000 dalam tahun 1970 meningkat kepada 835,000 dalam tahun 1975 dan turun sedikit sahaja kepada 666,000 dalam tahun 1980. Dari segi mutlak (absolute) bilangan isu rumah miskin bagi tempoh tahun 1970-1980 hanya berkurangan sebanyak 125,000 sahaja iaitu sebanyak 15% sahaja dan bukan 21% sebagaimana ditunjukkan oleh kadar penurunan peratusan. Dengan hal yang demikian itu saya berpendapat bilangan rakyat yang miskin dalam negara ini adalah masih ramai dan masih lagi memerlukan tumpuan berat Kerajaan. Nisbah peruntukan bagi membasmi kemiskinan di dalam rancangan-rancangan Lima Tahun dan Belanjawan-belanjawan hendaklah dipertingkatkan dan bukan diperturunkan sebagaimana saya percaya telah berlaku dalam Belanjawan 1983 dan Belanjawan 1984 yang dicadangkan.

Saya juga mendapati, Tuan Yang Dipertua, bahawa di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sehingga ini objektif menyusun semula masyarakat agak telah lebih dipentingkan berbanding dengan objektif pembasmian kemiskinan.

Di dalam mencapai objektif penyusunan semula masyarakat banyak perhatian diberikan kepada soal pemilikan sektor perniagaan moden dan besar-besaran dan juga sektor perindustrian, walaupun hanya

sedikit, sebilangan kecil rakyat miskin di luar bandar yang mendapat faedah secara langsung dan tidak langsung. Ini dijelaskan oleh statistik-statistik yang menunjukkan bahawa pemilik modal individu-individu bumiputera dalam syarikat-syarikat swasta di tahun 1982 adalah dianggarkan hanya mencapai lebih kurang 4.3% berbanding dengan pemilikan modal bumiputera melalui badan-badan Kerajaan yang dianggarkan lebih kurang 14.5% daripada seluruh modal syarikat-syarikat swasta dalam negara.

Memandangkan sifat dan peranan perbelanjaan penyusunan semula masyarakat sebagaimana ditunjukkan di atas yang mengutamakan pendekatan secara "corporate", saya yakin bahawa bukan sahaja tidak ramai Bumiputera individu malah segelintir sahaja rakyat miskin yang mendapat faedah darinya, terkecuali di dalam hal Skim Amanah Saham Nasional.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya telah menyebut bahawa bagi tahun 1984 terdapat sejumlah \$7 billion Perbelanjaan Pembangunan yang akan dibiayai secara di luar belanjawan (off budget expenditure) bagi membiayai projek-projek LLN, Jabatan Telekom, PETRONAS, HICOM dan Lembaga Lebuhraya. Jika peruntukan-peruntukan ini diambil kira, nisbah perbelanjaan projek-projek pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat menjadi lebih rendah lagi dan menunjukkan dengan lebih jelas keutamaan yang diberikan kepada pembangunan bercorak raksaksa dan kurang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat secara langsung.

Saya memang sedar hasrat Kerajaan hendak melaksanakan perubahan-perubahan besar ke atas struktur dan taraf ekonomi negara, terutamanya

dalam bidang perindustrian, tetapi pada pendapat saya pokoknya ialah kita masih lagi mempunyai struktur dan asas sosio ekonomi yang masih lemah di luar-luar bandar yang melibatkan sebahagian besar rakyat kita. Kita tidak boleh mengutamakan mengejar kemajuan di dalam bidang perindustrian sahaja, kita terpaksa juga mengutamakan mengejar kemajuan di luar-luar bandar secara relatif.

Kawasan luar bandar adalah tiang teras yang penting kepada sosio ekonomi dan politik negara. Tiang teras ini hendaklah terus diperkukuhkan supaya negara sukar diruntuhkan. Penduduk-penduduk luar bandar telah menunggu perubahan-perubahan besar sejak merdeka. Jika mereka diminta menunggu 2-3 tahun lagi, sebenarnya kita meminta mereka terus menunggu 2-3 tahun lagi sejak 26 tahun negara merdeka. Keadaan menunggu begini pada pandangan saya dan saya bimbang boleh menggelisahkan mereka.

Tuan Yang Dipertua, pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat adalah matlamat penting negara di bawah Dasar Ekonomi Baru dan perlu dicapai melalui evolusi hingga tahun 1990. Saya menyanjung sikap bijaksana Kerajaan yang telah memilih proses evolusi dan bukan revolusi bagi mencapai matlamat ini demi perpaduan negara. Pada pandangan saya pengurangan keutamaan di dalam belanjawan-belanjawan negara bukan sahaja menjejaskan evolusi matlamat utama negara ini, tetapi sebenarnya kita sendiri telah kurang menyokong lagi dasar dan matlamat ini, mungkin boleh ditakrifkan begitu.

Pada pandangan saya juga di dalam keadaan kita menghadapi kekurangan kewangan, dasar-dasar dan matlamat-matlamat baru negara, seperti hendak

menceburi industri berat dan beberapa projek raksaksa lain terutamanya haruslah boleh ditangguhkan dahulu atau tidak terlalu dipercepatkan. Kita boleh mempercepatkan usaha-usaha ini bilamana kita telah lebih mampu, tetapi tidak sebelum kita sebenarnya telah mampu sehingga menjejaskan keutamaan-keutamaan lain. Saya mungkinlah salah dalam perkara ini, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, dengan pandangan-pandangan begini saya sukalah mencadangkan supaya Kerajaan kembali kepada keutamaan-keutamaan negara yang telah dirancang dan untuk pertama kali dalam tahun 1985 nanti kita patutlah mengemukakan satu belanjawan yang boleh meninggalkan kesan-kesan lebih besar dalam menyelesaikan dan memenuhi keperluan-keperluan pembangunan luar bandar. Misalnya dalam tahun 1984 kita hanya memperuntukkan \$143 juta sahaja bagi membaiki dan membina jalan-jalan kampung, \$90 juta untuk bekalan elektrik dan \$64 juta untuk bekalan air luar bandar. Dalam tahun 1985 jika kita memperuntukkan \$1 bilion bagi tujuan-tujuan ini barulah kita dapat membuktikan keazaman kita dan mencapai hasil-hasil yang lebih besar dan berkesan dalam program pembangunan luar bandar negara kita, sebagaimana yang dimatlamatkan.

Rakyat mempunyai kepercayaan dan harapan yang tinggi terhadap Kerajaan yang dipimpin oleh Perdana Menteri sekarang dan saya percaya Kerajaan yang dipimpin oleh beliau mampu membawa perubahan-perubahan besar terhadap pembangunan luar bandar, sebagaimana beliau telah banyak membawa perubahan-perubahan besar dalam bidang-bidang yang lain dalam negara ini.

Tuan Yang Dipertua, keadaan kemelesetan ekonomi negara telah berlarutan sejak hampir 3 tahun yang

lalu, tetapi umumnya berdasarkan kepada statistik juga saya mendapati bahawa ada kecenderungan Kerajaan meyakini bahawa keadaan ini tidak begitu menjejaskan ekonomi dan kehidupan rakyat, termasuk golongan-golongan miskin dan di luar-luar bandar. Saya tidaklah berapa bersependapat dengan Kerajaan di dalam hal ini. Apa yang sedang berlaku sekarang, terutamanya di kalangan rakyat di luar-luar bandar haruslah suatu keadaan kemiskinan dan kesulitan yang tidak ketara, sebagaimana juga kita menghadapi keadaan pengangguran tidak ketara kerana kejatuhan harga hasil-hasil pertanian, seperti getah, kelapa sawit dan lain-lain serta kenaikan kos dan belanja sara hidup sudah tentulah banyak menjejaskan pendapatan dan kehidupan rakyat miskin dan di luar-luar bandar.

Bagi memastikan keadaan yang sebenarnya, saya berpendapat dan mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan satu kajian sosio ekonomi di kawasan-kawasan dan di kalangan golongan-golongan rakyat tertentu yang 'representative' bagi memastikan keadaan sebenarnya dan terutamanya bagi menjadi panduan strategi-strategi serta program-program belanjawan tahun-tahun akan datang.

Tuan Yang Dipertua, langkah-langkah membasmi kemiskinan memerlukan kepada peningkatan pendapatan melalui peluang-peluang pekerjaan, perniagaan, perindustrian, pelbagaian dan pemodenan aktiviti ekonomi serta peningkatan kemudahan-kemudahan sosio ekonomi, termasuk pengangkutan, pemasaran, pelajaran, kesihatan, bekalan elektrik dan air dan lain-lain. Program-program ini perlulah ditingkatkan lagi dan jika mungkin, strategi baru patutlah dicari. Semuanya ini memerlukan tumpuan tenaga dan masa perancangan dan pelaksanaan

yang tersusun, terselaras dan bersepadu di antara jentera-jentera dan agensi-agensi Kerajaan.

Saya merasa agak dukacita memerhatikan bahawa pada masa ini nampaknya masa kerja yang diberikan terhadap usaha-usaha perancangan pembangunan luar bandar adalah agak berkurangan atau tidak begitu ditingkatkan berbanding dengan masa kerja yang diberikan terhadap perancangan kegiatan-kegiatan ekonomi di bandar-bandar, seperti sektor perdagangan dan perindustrian dan lain-lain. Nisbah masa kerja kakitangan awam yang patut diberikan terhadap usaha-usaha pembasmian kemiskinan dan pembangunan luar bandar, sebagaimana halnya dengan peruntukan belanjawan hendaklah ditingkatkan bagi menjamin penumpuan pemikiran perancangan dan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan dan pembangunan luar bandar.

Saya telah mencadangkan supaya Kerajaan kembali menjadikan pembangunan luar bandar sebagai satu tema pembangunan negara, sebagaimana di masa yang lalu, dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar perlulah menyediakan perancangan, strategi dan program-program baru yang lebih berkesan bersama-sama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain yang berkenaan dengannya. Sesungguhnya satu langkah yang komprehensif dan sistematik masih lagi ditunggu dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam perkara ini walaupun saya faham bahawa Kementerian ini baru sahaja diwujudkan.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat di dalam usaha-usaha pembasmian kemiskinan luar bandar dan sebagai satu strategi untuk menyusun semula struktur ekonomi luar bandar, Kerajaan juga perlulah

memberikan perhatian untuk membaharui, menyusun semula, meningkat dan mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan baru (local centres) di luar-luar bandar. Pekan-pekan luar bandar yang ada perlulah disusun semula, diperbaharui dan diperlengkapkan dengan kemudahan-kemudahan sosio ekonomi mengikut taraf (hierarchy) yang sesuai dengannya yang bertujuan untuk mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan-pekerjaan baru.

Pekan-pekan baru yang tersusun dan terancangkan juga perlu diwujudkan di kawasan-kawasan tertentu dan perlulah dihubungkan dengan sistem jalan dan kemudahan-kemudahan sokongan yang sempurna dan efficient dengan kawasan-kawasan hinterland yang terdiri daripada kampung-kampung di sekitarnya. Adalah menghairankan bahawa selama ini kita telah melihat dengan agak passive masalah penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar ke bandar-bandar besar kerana mencari pekerjaan tetapi agak kurang sangat kita menumpukan usaha dan kewangan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di pekan-pekan di luar-luar bandar.

Penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar ke bandar-bandar besar sebagai satu phenomena mempunyai banyak implikasi kewangan dan sosial kepada Kerajaan dan rakyat. Masalah ini perlulah dibendong dalam jangka panjang dengan strategi-strategi yang sesuai dan berkesan.

Saya juga merasa bimbang dengan penyelarasan dan persepaduan pelbagai jabatan-jabatan, agensi-agensi dan jentera-jentera Kerajaan yang terlibat dengan usaha-usaha pembangunan luar bandar. Usaha-usaha yang terselaraskan di antara jentera-jentera Kerajaan yang terlibat boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan

rakyat, duplikasi kerja dan masalah pentadbiran dan pelaksanaan. Saya merasa lebih bimbang lagi melihat bagaimana Majlis-majlis Tindakan Daerah telah menjadi agak kurang dipentingkan oleh Ketua-ketua Jabatan dan bagaimana ia menjadi kurang berkesan pada masa ini sebagai suatu jentera untuk mempesatkan lagi pembangunan luar bandar dan sebagai saluran untuk menyelaraskan tindakan dan menyelesaikan masalah antara jabatan-jabatan. Dengan hal yang demikian itu, saya meminta Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah bersegera untuk mengatasi masalah penyelarasan dan bersepaduan dan keberkesanan jentera-jentera pelaksanaan program-program pembangunan luar bandar ini dan mengemukakan penyusunan semula serta strategi-strategi baru bagi mengemas dan memperkesakan lagi Majlis-majlis Tindakan Daerah di seluruh negara.

Tuan Yang Dipertua, saya suka menyentuh tentang isu tenaga pekerja negara. Sejak kebelakangan ini, beberapa isu berhubung dengan tenaga pekerja telah menjadi lebih ketara, lebih serius dan memerlukan perhatian Kerajaan yang lebih. Sementara negara menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja di dalam beberapa sektor ekonomi terutamanya di ladang-ladang dalam industri-industri dan projek-projek pembinaan ada terdapat seramai lebih kurang 120,000 rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura. Kita masih lagi menghadapi masalah pengangguran tetapi terdapat ramai pekerja-pekerja asing di negara ini. Keadaan-keadaan ini sudah tentulah menimbulkan tandatanya dan memerlukan perhatian. Rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura dari satu segi bolehlah dianggap menguntungkan negara oleh kerana mereka bukan sahaja mendapat peluang-peluang pekerjaan di negara asing malahan mendapat kemahiran dan

meningkatkan pengalaman. Di sebaliknya pula khidmat mereka yang berterusan dan berpanjangan di negara asing boleh merugikan negara kerana kita tidak dapat memperolehi khidmat mereka yang diperlukan dalam industri-industri tertentu terutamanya yang memerlukan lebih banyak tenaga mahir. Khidmat rakyat Malaysia di Singapura ini oleh itu hendaklah dianggap sementara sahaja dan langkah-langkah perlu hendaklah diambil bagi menggalak dan memberikan peluang mereka balik bekerja dalam negara ini. Bagi tujuan ini saya berpendapat eloklah kalau Kerajaan melalui Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat mengadakan satu kajian dan bancia terperinci terhadap pekerja-pekerja Malaysia di Singapura bagi memastikan bilangan mereka yang sebenarnya, bidang-bidang kerja dan taraf kemahiran termasuk kadar upah yang diterima oleh mereka. Daftar banci ini bolehlah dibekalkan kalau perlu kepada majikan-majikan dalam negeri yang menghadapi masalah pekerja-pekerja mahir yang berkenaan. Walau bagaimanapun, majikan-majikan dalam negeri hendaklah memastikan bahawa kerja-kerja yang ditawarkan kepada mereka hendaklah sesuai dengan kemahiran dan bidang mereka dan kadar upah dalam negara patutlah setanding dengan kemahiran, pengalaman dan kadar upah yang diterima oleh mereka di Singapura. Sikap membayar upah yang rendah kepada pekerja-pekerja akan merugikan semua pihak dalam jangka panjang.

Tuan Yang Dipertua, persoalan pokok tentang masalah kekurangan tenaga pekerja di ladang dalam negara ini ialah mengapakah ladang-ladang tidak dapat menarik tenaga pekerja tempatan sedangkan ramai orang mencari pekerjaan. Pada pandangan saya di antara faktor-faktor penting ialah kerana kadar upah dan syarat-syarat, suasana kemudahan-

kemudahan yang kurang menarik di ladang-ladang kita yang masih wujud dan berterusan sehingga sekarang. Kerugian kepada ladang-ladang sendiri dan negara dalam perkara ini adalah sangat besar. Kita tidak sepatutnya memilih untuk terus menanggung kerugian yang besar ini. Suatu pemikiran dan sikap yang radikal perlulah diambil untuk mewujudkan skim kadar upah, galakan dan syarat-syarat serta keadaan kerja yang lebih menarik, lebih conducive dan competitive di ladang-ladang.

Getah dan kelapa sawit adalah bahan mentah hasil yang penting bagi negara dan sepatutnya boleh mendatangkan hasil yang lucrative kepada pelabur-pelabur tetapi sekiranya masalah kekurangan tenaga pekerja ini tidak diatasi dengan langkah-langkah yang dinamik, perusahaan yang sepatutnya lucrative boleh mendatangkan kerugian dan hasil-hasil yang negatif. Sikap untuk mendapatkan tenaga kerja pada kadar upah yang murah dan dengan kos rendah, saya anggap tidak sesuai lagi pada masa ini oleh kerana pasaran buruh telah berubah dengan pesatnya. Kita hendaklah menjamin masa depan industri perladangan negara ini melalui perubahan dan pendekatan-pendekatan baru. Saya menyeru Kerajaan mengkaji kedudukan dan masalah kekurangan tenaga pekerja tempatan di ladang-ladang di negara ini secara sistematik dengan tujuan mencari penyelesaian yang berkesan. Pekerjaan di ladang-ladang hendaklah dijadikan sebagai pekerjaan yang mampu mendatangkan pendapatan yang baik, bukan pekerjaan yang menjadi pilihan terakhir atau yang tidak langsung menjadi pilihan terutama di kalangan belia-belia. Di dalam sektor perindustrian juga terdapat tendency menggunakan tenaga pekerja murah terutamanya di dalam industri-industri berorientasikan eksport seperti kilang-kilang elektronik, pakaian dan lain-

lain. Ini pun perlulah mendapat perhatian Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, kos purata mewujudkan satu pekerjaan dalam negara mengikut anggaran yang conservative, mengikut ingatan saya pada suatu masa dahulu adalah lebih \$80,000. Jika terdapat 10,000 pekerja-pekerja asing di negara ini, negara kerugian \$800,000,000 kerana mewujudkan pekerjaan bagi rakyat negara asing. Begitu juga jika ada 10,000 peluang-peluang pekerjaan yang tidak dipenuhi dalam negara, negara juga mengalami pembaziran \$800 juta belanja kerana mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang tidak dapat dipenuhi. Dengan hal yang demikian itu, Kerajaan hendaklah memandang serius bahawa peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkan dalam negara ini hasil dari keteguhan ekonomi dan kemakmuran negara kita hendaklah dinikmati sepenuhnya oleh rakyat negara sendiri sebagaimana kemasukan dan pengambilan pekerja-pekerja asing adalah merugikan kita, masalah mendapatkan pekerja-pekerja dalam setengah-setengah industri seperti perladangan kerana kurangnya minat rakyat juga merugikan. Amalan mengimport pekerja-pekerja asing dalam projek-projek pembinaan seperti yang berlaku di Projek Haidro Kenyir, Depoh Simpanan Minyak Mentah di Terengganu, Projek Jambatan Pulau Pinang dan lain-lain seumpamanya hendaklah dikawal dan dihadkan dalam jangka masa panjang.

Saya sedar bahawa pekerja-pekerja asing ini dibawa masuk di atas alasan negara kita masih kekurangan tenaga pengurusan, pengawasan dan teknikal yang mahir dan berpengalaman untuk menyelenggarakan projek-projek tersebut tetapi saya juga mendapat tahu bahawa ramai tenaga-tenaga pekerja asing ini yang sebenarnya over-qualified dan under-qualified, dengan izin, bagi kerja-kerja yang dibuat oleh

mereka di dalam beberapa projek-projek di negara ini dan dengan itu menafikan peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat negara kita yang mempunyai kelayakan-kelayakan dan pengalaman-pengalaman kerja-kerja yang tertentu itu.

Di dalam perkara ini kita hendaklah tidak terperangkap dengan alasan-alasan setengah kontraktor asing yang sememangnya mendokong dasar Kerajaan mereka menggalakkan pengeksporan pekerja-pekerja mereka ke negara-negara asing bagi mendapatkan pertukaran wang asing dan terutamanya dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang yang menyebabkan ramai rakyat mereka menganggur.

Korea adalah salah sebuah negara yang mempunyai dasar mengekspor pekerja-pekerja mereka ke negara-negara asing sebagai sebahagian daripada "package contract" antarabangsa mereka dan pertukaran wang asing daripada sumber ini merupakan sumber yang besar juga kepada keluaran negara kasar bagi negara tersebut. Saya menggesa Kerajaan mengkaji semula keadaan ini, amalan dan masalah yang merugikan ini dan memastikan syarat-syarat yang lebih ketat terhadap pengambilan pekerja-pekerja tempatan oleh kontraktor-kontraktor asing yang mendapat kerja di negara ini.

Agensi-agensi pelanggan seperti JKR, LLN dan lain-lain hendaklah lebih berhati-hati ketika memberikan perakuan permit kerja dan memastikan mereka yang benar-benar layak dan diperlukan sahaja disokong. Di samping itu amalan yang membenarkan pekerja-pekerja asing yang masuk melalui visa bekerja dan kemudiannya baharulah memohon permit kerja hendaklah dihentikan kerana amalan ini adalah menyalahi peraturan, menimbulkan kesulitan dan

berupa tekanan kepada Jabatan Imigresen.

Tuan Yang Dipertua, negara kita telah lama melangkah ke alam perindustrian dan kita sekarang menuju ke gerbang perindustrian berat tetapi adalah menghairankan bahawa telah sekian lama kita mengharungi dengan jayanya masalah perindustrian ini, kita masih lagi menghadapi masalah dan dihadapkan dengan dakwaan-dakwaan tentang kekurangan kepakaran di kalangan tenaga pekerja-pekerja kita.

Masalah-masalah ini perlulah di atasi jika kita hendak mempercepatkan dan mempertingkatkan lagi kemajuan perindustrian di negara ini melalui pemikiran dan penganalisaan serta sikap yang lebih positif dan lebih percayakan diri.

Kita hendaklah mengakui beberapa masalah pokok yang kita hadapi di dalam perkara ini. Kita perlulah mempunyai perancangan yang lebih sistematis dan committed untuk meluaskan, memesat dan mempertingkatkan lagi program-program latihan kita dengan pendekatan-pendekatan yang lebih berkesan.

Kita perlu kepada lebih banyak lagi pusat-pusat latihan kemahiran yang moden dan lengkap serta selaras dengan perkembangan dan kemajuan teknologi dunia. Kelengkapan dan alat-alat latihan yang out-of-date, dan tidak sesuai lagi perlulah diganti dan diupgradakan. Kita tidak ada pilihan dalam perkara ini.

Program latihan kemahiran hendaklah diutamakan di dalam pembangunan negara dan hendaklah disokong dengan belanjawan-belanjawan yang cukup. Saya mendapati matlamat ini agak kurang disokong di bawah Belanjawan 1984.

Walau bagaimanapun dasar menggalakkan latihan kemahiran oleh swasta adalah tepat dan rational oleh kerana jika sektor swasta memerlukan lebih ramai tenaga-tenaga pekerja mahir dan mereka akan mendapat untung darinya, mereka perlulah menanggung kos latihan ini. Mereka tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada Kerajaan. Mereka juga tidak patut mengharapkan subsidi daripada Kerajaan dalam bentuk penyelamatan kos melatih tenaga pekerja yang diperlukan oleh mereka. Dengan hal yang demikian itu, saya menyokong langkah Belanjawan 1984 yang memperuntukkan skim galakan tertentu baginya.

Tuan Yang Dipertua, dengan perubahan struktur ekonomi negara pada masa ini di mana perindustrian akan menjadi lebih penting, lepasan kelulusan mata-mata pelajaran umumnya di peringkat SRP, SPM dan STP menjadi kurang sesuai dan boleh mendatangkan masalah-masalah mendapatkan pekerjaan di kalangan rakyat dan ini bererti kita akan meneruskan menambah mengeluarkan lulusan-lulusan yang akan menjadi potensi penganggur. Kalau anggapan ini tidak keterlaluan, saya berpendapat lulusan ini memerlukan latihan-latihan kemahiran, teknikal sebagai tambahan dan saya mencadangkan program latihan kepada lulusan SRP, SPM dan STP yang sedang menganggur pada masa ini hendaklah diperhebatkan dan diperluaskan lagi terutamanya yang tinggal di luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya saya suka menyentuh berhubung dengan dasar penggunaan perkhidmatan tempatan. Saya sangat-sangatlah mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan insuran, pakar runding dan perkapalan di dalam negeri sendiri. Malaysia adalah sebuah negara yang selalu disebut-sebut

sebagai sebuah negara yang penuh dengan peluang-peluang. Peluang-peluang ini terutamanya yang besar dan penting masih banyak juga dinikmati oleh orang-orang asing termasuk dalam bidang insuran, pakar runding, perkapalan dan kerja-kerja kontrak. Dengan hal yang demikian langkah ini bukan sahaja penting lagi daripada segi dasar, tetapi yang lebih penting akan mendatangkan faedah-faedah ekonomi yang besar kepada negara dan rakyat khususnya kepada syarikat-syarikat insuran, pakar runding dan perkapalan tempatan serta akan membawa kepada perkembangan-perkembangan yang baharu di dalam bidang ini.

Di dalam hal ini, Tuan Yang Dipertua, saya suka menyentuh satu perkara iaitu berhubung dengan kedudukan dan masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat pakar perunding di negara ini khususnya syarikat-syarikat perunding Bumiputera.

Tuan Yang Dipertua, pada masa ini peruntukan undang-undang pertubuhan profesional misalnya Lembaga Jurutera dan Lembaga Arkitek tidak membolehkan jurutera, akitek dan juru ukur menjalankan perundingan secara bergabung dalam sebuah syarikat berdaftar. Sedangkan negara lain penggabungan seperti ini adalah dibolehkan. Peruntukan undang-undang yang sama juga menyekat syarikat-syarikat jururunding menjadi pemborong.

Dengan hal yang demikian itu pada pandangan saya adalah sangat sukar kalau pun tidak mustahil syarikat-syarikat tempatan akan dapat mengambil bahagian secara langsung di dalam pelaksanaan projek-projek secara "Turnkey" kerana sistem ini memerlukan penggabungan pelbagai bidang jururunding dan pemborongan di dalam satu syarikat berdaftar. Dengan hal yang demikian itu tidak hairanlah mengapa kita mendapati

projek-projek "turnkey" di negara ini terlalu banyak dijalankan oleh syarikat-syarikat asing yang tidak ada sekatan ke atas pendaftaran profesional.

Tuan Yang Dipertua, kita patutlah menuju ke arah mencapai matlamat di mana syarikat-syarikat tempatan patutlah memainkan peranan sebagai leader, dengan izin, kepada jururunding-jururunding dan kontraktor-kontraktor asing mendapat kerja di negara ini. Dan ini mungkin dapat dicapai melalui pembentuk syarikat-syarikat Jururunding dan kontraktor-kontraktor yang besar-besaran melalui proses penggabungan. Di samping itu, di dalam keadaan di mana Kerajaan menghadapi masalah kewangan untuk membiayai projek-projek pembangunan, kumpulan profesional yang bergabung adalah kumpulan yang boleh pada pandangan saya memainkan peranan penting menampung masalah ini.

Saya yakin memang telah ada syarikat-syarikat akitek, jurutera dan lain-lain syarikat profesional yang sedia melaksanakan sendiri projek-projek Kerajaan dalam konteks dasar pengswastan. Tetapi malangnya mereka tidak dapat bergerak ke arah ini disebabkan sekatan-sekatan sebagaimana yang saya maksudkan tadi.

Dengan hal yang demikian itu Kerajaan pada pandangan saya patutlah mengkaji dengan teliti masalah ini dan jika perlu meminda undang-undang pertubuhan profesional menghalang usaha-usaha menggabung sebagai bidang-bidang profesional di dalam sebuah syarikat di negara ini.

Tuan Yang Dipertua, pada masa ini kita patutlah merasa bangga kerana sudah terdapat beberapa kumpulan profesional bumiputera terdiri dari akitek, jurutera, juru ukur dan lain-

lain yang berjaya menubuhkan syarikat-syarikat perunding yang dimiliki dan diusahakan sepenuhnya oleh Bumiputera. Walau bagaimanapun, adalah didapati penekanan jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan untuk menyokong kepentingan serta menggalakkan pertumbuhan penyertaan bumiputera di dalam bidang-bidang tersebut adalah masih kurang memuaskan, malah boleh dikatakan agak mendukacitakan.

Dalam proses pelaksanaan dasar pengswastaan dan pelaksanaan projek-projek melalui sistem "turnkey" penyertaan pertubuhan-pertubuhan profesional Bumiputera mungkin akan jauh ketinggalan lagi jika tiada langkah-langkah tertentu diambil.

Saya ada menerima rungutan-rungutan bahawa syarikat-syarikat perunding Bumiputera agak sering menghadapi masalah mendapatkan projek-projek besar Kerajaan seperti projek jambatan dan pelaburan yang selama ini terdapat tendency hanya dinikmati oleh perunding-perunding tertentu sahaja.

Lazimnya alasan-alasan yang diberikan ialah kerana tidak ada syarikat-syarikat perunding Bumiputera yang layak melaksanakannya. Saya berpendapat ini tidaklah sama sekali benar kerana telah ada syarikat-syarikat perunding Bumiputera yang mempunyai kepakaran yang cukup serta mampu melaksanakan projek-projek besar. Masalahnya ialah mereka tidak diberikan kepercayaan dan peluang di dalam sektor swasta terutamanya syarikat-syarikat perunding Bumiputera sepenuhnya sama sekali tidak mendapat peluang yang sewajarnya.

Ini ialah salah satu contoh tentang masalah dan kekaburan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang lupa

dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lumut dalam ucapan beliau beberapa hari yang lalu di mana bukan sahaja terdapat rintangan dari sektor swasta malahan dari kalangan setengah sektor awam sendiri terhadap usaha pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, khususnya dalam bidang perundingan di negara ini.

Sekian, Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Ahli-ahli Yang Berhormat diminta duduk sebentar.

Ahli-ahli Yang Berhormat,
Peraturan Mesyuarat 35 (2) di bawah Peraturan-peraturan berbahas, berbunyi:

"Jika dua atau lebih daripada orang Ahli bangkit serempak, maka Pengerusi hendaklah memanggil ahli yang dahulu sekali terpendang olehnya."

Masalah saya sekarang ialah saya tepandang dua Ahli sekali iaitu Ahli Yang Berhormat dari Jasin dan Ahli Yang Berhormat dari Kinta. Saya akan memanggil Ahli Yang Berhormat dari Jasin, akan tetapi memandangkan kemungkinan tugas saya berakhir pada pukul 5.45 petang, saya minta kalau boleh Ahli Yang Berhormat dari Jasin supaya memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat dari Kinta. Kalau tidak pun, saya akan mohon kebenaran daripada Yang Berhormat Datuk Speaker.

Ahli Yang Berhormat dari Jasin.

5.22 ptg.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Jasin):
Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kerana beri peluang kepada saya bercakap dan saya cuba bercakap dengan pendek supaya memberi peluang kepada rakan-rakan saya yang

lain memberikan ucapan dalam Dewan ini.

Pada 23hb Oktober, 1983, waktu membahaskan Rang Undang-undang Akta Pengambilan Tanah dalam Dewan ini, Ahli dari Kota Melaka telah membidas saya dengan mengatakan bahawa saya dengan seorang perkauman hendak memecahbelahkan rakyat yang berlainan keturunan dalam negara kita ini.

Walaupun dua orang rakan saya dalam Dewan ini telah menolak tuduhan itu, tetapi saya suka menyebut sekali lagi untuk direkodkan bahawa saya adalah menafikan tuduhan beliau itu. Setiap kali dalam ucapan saya itu, apabila saya menyebut soal "bangsa asing" adalah diikuti dengan dua perkataan yang lain iaitu "dari luar". Ini bermakna "foreigners" dalam bahasa Inggeris. Saya tidak ada sama sekali berniat membangkitkan semangat pecah-belah di antara kaum dalam negara ini. Yang sebenarnya, Tuan Yang Dipertua, dalam kepala parti-parti Pembangkang seperti DAP memang penuh bersarang dengan soal perkauman maka dengan sebab itu mereka memikirkkan bahawa orang lain juga bersikap seperti mereka itu.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan keselamatan di rantau kita ini di Tenggara Asia, iaitu mengenai isu Kampuchea.

Kita patut mengalu-alukan dan memuji langkah negara-negara ASEAN yang telah berusaha dengan tidak mengenal penat dan lelah dan mendapat kejayaan sedikit demi sedikit. Misalnya dalam Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu yang baru lepas dengan usaha-usaha negara ASEAN, maka jumlah negara-negara yang menyokong usul supaya mendesak Vietnam keluar dari Kampuchea telah bertambah

bilangannya. Tetapi di Hanoi pula, Kerajaan Vietnam, pemimpin-pemimpin Vietnam telah menyatakan hasratnya hendak menempatkan tenteranya atau melanjutkan pendudukan tentera Vietnam di Kampuchea selama 5 tahun lagi.

Dalam ucapan saya setahun lalu di Dewan yang mulia ini, saya telah menyebutkan bahawa dalam tempoh 10 tahun, jika sekiranya Vietnam tidak meninggalkan Kampuchea, Kampuchea akan hilang daripada dunia ini dan negara itu akan menjadi sebahagian dari negara Vietnam.

Pada perhitungan saya, memanglah menjadi tujuan sebenarnya atau tujuan terakhir Vietnam untuk menjadikan Kampuchea itu jajahan takluknya. Kalau sekiranya penyelesaian yang segera tidak diwujudkan, sudah pasti kebimbangan kita akan menjadi kenyataan. Tetapi bagaimanakah caranya soal ini boleh diselesaikan dengan cepat?

Apabila kita mengkaji atau membincangkan soal Kampuchea, dua perkara yang mesti menjadi perhitungan kita. Yang pertama ialah hendak mengeluarkan tentera Vietnam daripada Kampuchea; dan yang keduanya, kita juga mesti mengambil perhitungan tentang keselamatan nyawa rakyat Kampuchea itu apabila askar Vietnam berundur daripada negara tersebut.

Negara India yang terkenal boleh dikatakan sebagai juara perjuangan kemerdekaan dalam dunia ini, mempunyai satu pendirian yang berlainan daripada negara kita dan negara-negara lain di mana negara itu lebih mementingkan keselamatan nyawa rakyat Kampuchea sendiri dan sampai tergamak negara itu menyokong Kerajaan Heng Samrin.

Tuan Yang Dipertua, saya katakan tadi dua perkara penting mesti menjadi

perhitungan kita! Yang pertama pengunduran tentera Vietnam. dan yang kedua keselamatan rakyat Kampuchea mesti dijalankan serentak. Askar Vietnam boleh jadi dapat mengawal menyelamatkan nyawa rakyat Kampuchea daripada pembunuhan oleh regim Pol Pot ataupun Khmer Rouge. Tetapi nyatalah kita tidak dapat menerima jika sekiranya mereka terus menerus menduduki negara tersebut. Dalam soal ini saya nampak tidak ada jalan lain lagi usaha yang boleh dilaksanakan selain daripada menempatkan pasukan keselamatan daripada Bangsa-bangsa Bersatu dan boleh juga kita benarkan sebahagian kecil tentera Vietnam bersama-sama dengan tentera keselamatan atau pasukan keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengawal keamanan negara itu sehingga dapat diadakan satu pilihanraya.

Saya amatlah bimbang sekiranya tidak dibuat satu penyusunan yang baru tentang keselamatan rakyat Kampuchea. Jika Khmer Rouge dapat berkuasa balik di negara itu, sudah pasti mereka itu akan membunuh pengikut-pengikut Heng Samrin. Walaupun perkara ini soal negara asing tetapi ianya akan membawa kekacauan dan akibatnya akan sampai juga kepada negara kita ini. Dengan ketiadaan campurtangan pasukan keselamatan daripada Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengawal beberapa tahun keamanan di negara itu dengan mengadakan pilihanraya sudah pasti negara tersebut akan menjadi hancur lebur dan mungkin juga bahangnya sampai ke negara kita. Lebih-lebih lagi dengan adanya berita tentang Russia telah menambahkan kekuatan di Vietnam. Dengan adanya Russia menambahkan kekuatan di Vietnam, negeri Jepun pula berselindung di sebalik pertahanan negaranya telah mempertingkatkan kekuatan tenteranya.

Nampaknya kuasa-kuasa besar tidak puas-puas dengan usahanya yang telah mencetuskan pertumpahan darah yang hebat di Asia Barat, di Afghanistan, di Latin Amerika dan sekarang mereka ini tidak senang melihat bahawa Asia Tenggara ini berada dalam keadaan aman dan damai dan mereka cuba hendak merempuh ke kawasan kita. Perkara ini patutlah mendapat perhatian yang serius kerana kita ingin hidup dalam aman dan damai bukan sahaja di kawasan kita tetapi juga di seluruh dunia.

Saya suka beralih kepada BMF. Saya menyokong penuh pendirian Perdana Menteri yang baru-baru ini telah mengatakan bahawa satu penyiasatan yang lebih rapi akan diadakan supaya peristiwa BMF dapat dicungkil sehingga ke akar umbinya dan dapat memberikan kepuasan kepada rakyat negeri ini untuk mengetahui dengan sedalam-dalamnya. Saya memandang lebih jauh lagi perkara ini dengan adanya satu penyiasatan atau Kertas Putih diwujudkan, maka peristiwa itu boleh dijadikan case study untuk dibaca oleh rakyat negeri ini supaya mereka dapat mempelajari bagaimana satu-satu syarikat itu boleh menjadi maju dan bagaimana pula satu-satu syarikat itu telah jatuh.

Di negara yang maju seperti di Amerika Syarikat memang ada badan-badan yang berusaha untuk mencatatkan segala syarikat-syarikat yang besar bagaimana mereka menjadi satu syarikat yang maju dan besar dan bagaimana pula ada syarikat yang telah bankrup. Maka orang-orang yang kemudian yang ingin hendak menceburkan diri dalam perniagaan mendapat pelajaran yang sangat baik daripada catatan atau sejarah yang dibuat oleh jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan atau orang perseorangan di negeri itu. Saya tertarik hati dengan langkah itu dan saya suka kiranya di Malaysia juga

study yang seperti itu dapat diwujudkan, supaya ahli perniagaan yang akan datang dapat mengkaji sebab-sebab sebuah syarikat itu jatuh dan bagaimana ia dapat meningkat maju untuk dijadikan tauladan kepada masa yang akan datang.

Kementerian yang patut mengkaji soal ini, rasa saya tidak lain lagi daripada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan.

Dalam Dewan dan di luar Dewan juga, Tuan Yang Dipertua, banyak perkara-perkara kemajuan luarbandar yang telah dibangkitkan. Kerana memang benar kemiskinan memang wujud di luarbandar. Beberapa forum-forum, seminar, mesyuarat dan beberapa juga kertas kerja yang telah dibincangkan oleh cerdik-pandai kita mengenai masalah kemiskinan terutama sekali kemiskinan di luarbandar. Kita tidak boleh menafikan bahawa kemiskinan masih berluasan. Dengan usaha Kerajaan tidak ada siapa yang boleh menafikan kemiskinan telah banyak dibasmi. Tetapi tidak siapa juga boleh menafikan bahawa kemiskinan masih wujud di kalangan penduduk luarbandar. Segala buah fikiran yang baik-baik yang dikeluarkan oleh cerdik-pandai kita selama ini. Yang menjadi persoalan kita ialah sama ada fikiran yang baik dan bernas itu sampai atau tidak ke pengetahuan penduduk luarbandar. Perkara ini yang saya fikir penting dan patut kita kaji. Mengikut perhitungan saya kelemahan yang kita dapati di kalangan penduduk luarbandar ialah kerana mereka kekurangan pimpinan pertengahan. Mereka lapar kepada pimpinan. Mereka berkehendak kepada pimpinan. Pada masa lampau di bawah pimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak telah diwujudkan Buku Merah di mana jentera pembangunan yang teratur telah dapat diwujudkan. Tetapi keadaan sekarang ini telah berubah. Dua puluh tahun yang lalu,

Buku Merah itu menitikberatkan soal infrastruktur yang dikelolakan oleh State Development Officer dan D.O. atau Pegawai Daerah menjadi orang-orang yang penting di dalam tiap-tiap daerah.

Pada masa ini infrastruktur di luarbandar itu boleh dikatakan maju dengan cepat tetapi penglibatan rakyat secara langsung dalam pembangunan ekonomi masih lagi ketinggalan. Inilah satu perkara yang patut dikajikan dengan bersungguh-sungguh bagaimana usaha untuk melibatkan rakyat luarbandar secara langsung dalam ekonomi dapat digembeling.

Saya mencadangkan supaya yang pertama, diadakan satu skim untuk membawa penuntut-penuntut keluaran universiti lebih ramai balik ke luarbandar, kerana mereka mempunyai pengetahuan yang tinggi dan dipercayai oleh penduduk luarbandar supaya mereka itu dapat menjadi pemimpin ekonomi kepada penduduk-penduduk luarbandar. Untuk permulaan apakah tidak harus kita tempatkan di luarbandar itu lebih ramai ekonomis yang telah berjaya ataupun yang telah mendapat pelajaran tinggi. Misalnya, jika diadakan seorang ekonomis dalam tiap-tiap satu kawasan pilihanraya Parlimen untuk memimpin rakyat di kawasan itu supaya menceburkan diri secara langsung dalam ekonomi sudah pasti faedahnya sangat besar. 154 orang ekonomis yang saya sebutkan tadi jika ditempatkan dalam 154 kawasan Pilihanraya Parlimen boleh mengadakan persidangan sekali dalam tempoh tiga bulan untuk menyatukan tenaga bertukar-fikiran dan bekerjasama mencari jalan bagaimana pembangunan ekonomi luarbandar dapat disegerakan. Perjumpaan mereka itu bolehlah disimpulkan dalam satu badan yang kita sebutkan Kaunsil Pembangunan Ekonomi Luarbandar. Dengan adanya orang-orang yang tertentu yang ditugaskan

memajukan ekonomi penduduk luarbandar, barulah dapat kita mengetahui dengan sepenuhnya, sejauh mana penglibatan ekonomi rakyat luarbandar telah berjaya, kita dapat menerima feed-back atau maklum-balas daripada mereka itu tentang kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh penduduk luarbandar.

Pada masa ini usaha memajukan penduduk luarbandar dijalankan mengikut Kementerian-kementerian yang tidak ada mempunyai kordinasi di antara satu Kementerian dengan yang lain, menyebabkan banyak wang habis dan masa terbuang tetapi hasilnya terlalu sedikit melainkan diadakan penganjur-penganjur yang tetap ekonomis yang saya sebutkan tadi mempunyai tanggungjawab yang khas yang boleh menentukan bahawa kemajuan benar-benar dapat dilaksanakan di kawasan luarbandar itu.

Selain daripada itu, saya suka juga memberi pandangan supaya penduduk luar bandar dibawa ke tengah untuk mempelajari soal-soal penjualan saham dalam negara kita ini. Pada masa ini galakan membeli saham Amanah Saham Nasional memang dijalankan secara besar-besaran tetapi pembelian saham daripada pasaran terbuka daripada Kuala Lumpur Stock Exchange boleh dikatakan tidak ada. Pada masa yang lepas tanggungjawab ini telah dipikulkan kepada Amanah Saham MARA tetapi Amanah Saham MARA itu telah diberhentikan kerana takut bercanggah dengan Amanah Saham Nasional. Oleh kerana Amanah Saham Nasional telah berjalan lebih daripada dua tahun dan mengikut penganjurannya mendapat kemajuan maka sudah seharusnya pergerakan Amanah Saham MARA dipertimbangkan semula supaya rakyat jelata di kampung-kampung dapat mempunyai pengetahuan baharu untuk menyertai pembelian saham secara langsung daripada Kuala Lumpur Stock Exchange.

Pada masa ini hanya orang dalam bandar dan sedikit benar orang Melayu yang tahu penggunaan perkhidmatan Kuala Lumpur Stock Exchange pada hal ianya boleh membuka mata rakyat maju dalam perniagaan. Satu perkara yang patut saya rasa patut mendapat pertimbangan semula daripada Kerajaan.

Selain daripada itu, saya suka juga mencadangkan supaya anak-anak syarikat, kompeni yang telah diserahkan kepada PNB itu dijualkan dengan secara langsung kepada orang ramai. Pada masa ini orang ramai hanya digalakkan untuk membeli Amanah Saham Nasional dan menunggu keuntungan setahun sekali. Saya berpendapat 50% daripada saham anak-anak syarikat itu hendaklah dijualkan dengan secara langsung kepada orang ramai, bukannya dengan menjual unit-unit. Dengan penjualan saham secara langsung orang ramai akan berpeluang untuk mengikuti perkembangan tiap-tiap syarikat di mana mereka mempunyai saham. Mereka juga dapat mempelajari bagaimana syarikat itu berkembang dan mereka juga seharusnya diberi peluang untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah. Dengan cara demikian, dengan penglibatan secara langsung rakyat dapat diwujudkan dan ini sangatlah penting. Kerana dalam Dasar Ekonomi Baru sepanjang yang saya ingat bukannya penyertaan modal sahaja dipentingkan tetapi penyertaan tenaga dan khidmat mereka itu juga adalah penting. Maka dengan penjualan anak-anak syarikat secara langsung kepada orang ramai, saya rasa Bumiputera boleh masuk ke dalam perniagaan secara besar-besaran.

Saya terbaca kenyataan yang dibuat oleh MARA. Oleh kerana mereka kekurangan wang maka beberapa projek-projek MARA itu telah diberhentikan termasuk Maktab

Rendah Sains MARA. Tuan Yang Dipertua, Maktab Rendah Sains MARA ini waktu ditaja, waktu saya menjadi Pengerusi MARA dahulu, adalah merupakan satu-satu maktab yang boleh mempercepatkan, membanyakkan bilangan profesional bangsa Melayu supaya dapat standing dengan bangsa asing. Saya berasa dukacita kerana kekurangan wang maka MARA memberhentikan pembukaan Maktab Rendah Sains MARA ini. Saya fikir patutlah MARA menumpukan tenaganya kepada dua perkara yang penting: yang pertama memberikan latihan dan yang kedua mengadakan pimpinan. Pada mula-mula dahulu oleh kerana tidak banyak agensi Kerajaan maka semua kemajuan orang Melayu dibebankan kepada MARA, maka MARA mengembangkan sayapnya, selain daripada mengadakan latihan, MARA juga berniaga sendiri kononnya akan diserahkan projek itu apabila telah maju kepada kaum Bumiputera. Tetapi oleh kerana orang Melayu boleh dikatakan telah banyak yang maju pada hari ini dan banyak agensi-agensi Kerajaan yang lain yang menceburkan diri dalam perniagaan juga maka patutlah MARA ini menumpukan tenaganya kepada dua perkara yang saya sebutkan iaitu latihan dan pimpinan. Tadi saya telah sebutkan dengan panjang lebar kepimpinan yang perlu diwujudkan secara tegas di luar bandar dan MARA barangkali juga dapat memainkan peranan penting untuk membantu Council Pembangunan Ekonomi Luar Bandar yang saya sebutkan tadi.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Yang Dipertua, dalam Dewan ini juga pihak Pembangkang telah menimbulkan rasa ketakutan kepada rakyat kerana negara ini meminjam wang terlalu banyak daripada luar negeri. Apabila Kerajaan meminjam wang yang banyak ianya telah dapat

bidasan daripada parti Pembangkang. Sebaliknya jika Kerajaan menaikkan cukai untuk pembangunan Kerajaan juga akan dikecam kerana membebankan rakyat membayar cukai yang banyak. Tetapi sebaliknya jika Kerajaan tidak membuat kemajuan mereka ini juga akan mencaci Kerajaan dengan mengatakan Kerajaan tidak menunaikan janji seperti yang dibuat dalam pilihanraya. Jadi, kepada mereka pinjam wang daripada luar negeri tidak boleh, naik cukai pun tidak boleh tetapi pembangunan mesti dibuat secara raksaksa. Inilah pendirian parti Pembangkang yang saya harap dapat difahami oleh rakyat bahawa mereka hanya pandai bercakap sahaja tetapi nyatalah program mereka hendak memajukan negara ini adalah kosong dan tidak dapat diterima oleh rakyat.

Bagi saya, saya menyokong dengan sepenuhnya bagi Kerajaan untuk meminjam wang daripada luar negeri seberapa banyak yang boleh, kerana seperti kata saya dahulu dalam Dewan ini bukan semua negeri dalam dunia boleh meminjam wang dengan senang tetapi bagi negara kita ini kita telah mendapat keyakinan daripada peminjam-peminjam wang daripada luar negeri di atas kejujuran kita membayar balik wang pinjaman dan segala wang itu telah dibelanjakan untuk kepentingan rakyat. Makin banyak wang pinjaman yang kita perolehi tentulah makin banyak rancangan pembangunan yang dapat kita jalankan.

Saya ikuti juga ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang mengatakan 'off Budget' sebanyak \$14 billion selain daripada \$8 billion yang telah dinyatakan butir-butir halus-halusnya dalam Belanjawan pada tahun ini. Saya dapati wang yang sebanyak \$14 billion itu yang akan dibelanjakan pada tahun hadapan juga adalah memberi faedah kepada rakyat negeri ini, kepada

penduduk luar bandar sama ada ianya digunakan untuk LLN, untuk lebuhraya, untuk telekomunikesen ataupun untuk HICOM. Semuanya ini ada memberikan faedah kepada bukan sahaja bagi penduduk dalam bandar tetapi juga penduduk luar bandar.

Di sini saya suka menasihatkan Kerajaan supaya perindustrian berat yang hendak dilaksanakan itu tidak ditumpukan di kawasan bandar sahaja. Satu daripada usaha untuk membuka mata penduduk luar bandar dengan cepat ialah dengan membawa perindustrian berat itu luar bandar. Ini adalah satu cara untuk mempercepatkan kita mengubah sikap penduduk luar bandar supaya maju dalam perindustrian. Dan yang keduanya perindustrian berat terpaksa difikir dengan halus. Ianya dilaksanakan bukan semata-mata kerana prestigious bagi negara kita tetapi sebenar-benarnya projek yang boleh mendatangkan keuntungan. Soal pemasaran menjadi soal yang penting. Semua negara dalam dunia ini boleh mengeluarkan berbagai-bagai perindustrian berat tetapi mereka itu enggan berbuat demikian kerana memikirkan bahawa mungkin pasarannya sangat sukar didapati dan pasaran dalam negeri adalah sangat terhad mengikut bilangan rakyat negeri masing-masing. Dan jika sekiranya perkara ini tidak diperhitungkan dengan halusnya mungkin duit yang banyak itu akan hilang sebagaimana hilangnya wang yang digunakan oleh BMF di Hong Kong itu.

Tuan Yang Dipertua, banyak juga ucapan yang telah dikemukakan dalam Dewan ini berkenaan dengan latihan kepada pemuda-pemuda. Saya suka juga menambah sebagai menitikberatkan soal ini. Seperti kata saya tadi penduduk luar bandar berkehendakkan pemimpin dan pemimpin itu ada mempunyai banyak cawangannya dan satu daripadanya ialah mengadakan latihan yang cukup.

Pada masa yang telah lalu latihan vokasional kepada pemuda-pemuda di luar bandar ini sangatlah terhad dan setengah-setengahnya telah diberhentikan kerana kononnya apabila pemuda itu diajar bertukang kayu dan apabila keluar daripada sekolah itu mereka bukan bertukang kayu tetapi pergi membuat kerja lain menoreh getah ataupun menangkap ikan. Perkara ini tidak dapat kita elakkan. Yang sebaik-baiknya kita memberikan peluang latihan kepada seramai-ramai pemuda terutama sekali di luar bandar sama ada mereka itu mahu menggunakan ilmu yang diterimanya itu secara langsung ataupun tidak tetapi memberikan ilmu pengetahuan kepada mereka itu merupakan satu cara bagi membolehkan atau meramaikan lagi pemuda-pemuda yang berpengetahuan di luar bandar.

Kita tidak mahu pemuda-pemuda di luar bandar atau penduduk di luar bandar mengharap pertolongan daripada penduduk-penduduk dalam bandar apabila radio, televisyen mereka rosak semuanya terpaksa dibawa ke bandar dan kurang jumlah pemuda-pemuda yang boleh mengambil kontrek memasukkan api elektrik, bekalan air dan sebagainya di luar bandar dan mereka itu mengharap daripada penduduk dalam bandar. Perkara yang seperti ini memang banyak kita dengar dalam Dewan ini dan juga di luar Dewan dan saya berharap Kerajaan benar-benar akan mengambil berat perkara ini. Jika dengan tidak ada latihan yang cukup seperti yang saya katakan tadi, segala usaha orang kampung untuk penambahan penghidupan mereka itu akan tercurah kepada penduduk-penduduk luar bandar sedangkan perkara-perkara itu bukanlah satu latihan yang susah untuk diusahakan oleh penduduk luar bandar sendiri.

Tuan Yang Dipertua, seperti janji saya tadi saya tidaklah hendak

bercakap panjang untuk memberi peluang kepada rakan-rakan saya yang lain inilah ucapan ringkas saya dalam Dewan ini.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Batang Lupar.

5.53 ptg.

Datuk Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1984 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 21hb Oktober, 1983. Di samping menyokong Belanjawan 1984 ini, ingin saya menyentuh beberapa perkara yang amat penting kepada rakyat di seluruh negara khususnya kepada rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, kita semua sedia maklum bahawa negeri Sarawak sebuah negeri dalam Malaysia yang sangat luas dan didapati bahawa banyak tanah-tanah yang subur dan perlu dibuka untuk ditanam secara besar-besaran. Rakyat di negeri Sarawak baru-baru ini telah menyambut ulangtahun yang ke 20 Sarawak merdeka dalam Malaysia dan mungkin ramai Ketua-ketua Pejabat dari seluruh negara khususnya dari Semenanjung telah dijemput oleh Kerajaan Negeri Sarawak termasuk Menteri-menteri, Speaker-speaker, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan mereka telah melihat dengan puas hati di bandar Kucing.

Tuan Yang Dipertua, negeri Sarawak, di bandar Kucing, bandar Sibul, bandar Miri dan pekan-pekan yang lain amat maju kalaulah dibandingkan dengan 20 tahun yang lepas. Tetapi kalaulah kita menyiasat dengan teliti berapa peratuskah pengurangan kemiskinan rakyat di luar bandar telah tercapai. Tujuan Kerajaan kita memanglah ingin

mengurangkan kemiskinan rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar. Tetapi cara manakah Kerajaan kita dapat meneruskan dan membasmikan kemiskinan jika jalan raya tidak dapat diperbesarkan. Jalan raya atau jalan-jalan kecil keutamaannya yang sangat perlu dibina. Rancangan-rancangan pembangunan luar bandar tidak dapat disediakan, juga tanah-tanah yang luas dan tanah-tanah yang subur tidak dapat memberi faedah kepada rakyat. Rakyat di kawasan luar bandar tidak dapat menanam bermacam-macam tanaman dengan cara besar-besaran. Kalaulah Kerajaan kita tidak dapat menyediakan jalan ke kawasan luar bandar, bagaimanakah Kerajaan kita akan dapat menambahkan hasil pendapatan dari tanaman seperti kelapa sawit, lada hitam, koko, getah dan sebagainya kalaulah pokok yang saya sebutkan di sini tidak ditanam dengan secara besar-besaran maka hasil pendapatan negara kita pun tidak dapat terjamin di masa yang akan datang.

Cara hidup rakyat kaum petani di kawasan luar bandar memanglah dianggap dan diarah menanam padi. Mereka juga telah dibantu oleh Kerajaan dengan subsidi bantuan baja dan sebagainya. Tetapi bantuan yang sedia ada sekarang tidak memuaskan, kerana masih banyak terdapat di kawasan luar bandar, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kaum petani seluruh negara telah diarah oleh Kerajaan juga supaya mereka menanam buah-buahan dan sayur-sayuran untuk menampung cara penghidupan mereka. Kaum petani sedar mereka telah bekerja dari pukul 6.00 pagi sehingga pukul 6.00 petang tetapi pendapatan mereka didapati belum lagi dapat diubahsuai bahkan jalan-jalan yang perlu diperbesarkan ke kawasan luar bandar supaya buah-buahan dan sayur-sayuran mereka dapat dikeluarkan ke pasaran. Kalau tidak ada jalan maka semua tanaman itu tidak dapat

dikeluarkan dengan cepat maka sayuran itu telah menjadi buruk dan oleh sebab itu kemiskinan rakyat di kawasan luar bandar tidak dapat berkurangan. Mungkin 10 tahun yang akan datang lagi kemiskinan rakyat di luar bandar tidak dapat dihapuskan.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang Dipertua, saya telah merayu kepada Kerajaan Pusat khususnya kepada Menteri-menteri yang bertanggungjawab supaya mereka akan dapat menubuhkan jawatankuasa atau Badan Penyiasat supaya kawasan-kawasan yang masih ketinggalan dan tiada jalan raya, perlu dibina dengan seberapa segera.

Tuan Yang Dipertua, masanya sudah tiba dan Kerajaan kita perlulah menambahkan jentera-jentera moden untuk membantu kaum petani, kerana kalaulah kita menggunakan misalnya kerbau maka hasil mereka tidak sesuai bahkan memerlukan jentera-jentera yang moden untuk menggalakkan tanaman mereka. Selain daripada itu juga, mereka perlu dilatih supaya kaum petani akan dapat menjalankan jentera-jentera yang moden dan kemudian semua tanah mereka yang luas dan subur akan dapat dibuka dengan bermacam tanaman dari masa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua, Belanjawan 1984 ini tidak mengelirukan kepada rakyat yang berpendapatan rendah walaupun banyak orang telah bimbang sebelum ianya dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini kerana anggapan mereka pilihanraya sudah lepas dan mungkin barang-barang keperluan harian telah perlu dinaikkan untuk menampung Belanjawan Negara kita. Tetapi selepas Belanjawan itu dibentangkan maka banyak terdapat dalam surat khabar, contohnya pada 24-10-83 Chinese Chambers of Commerce Negeri Sarawak telah menyambut baik Budget dalam tahun 1984 dan kita juga berharap bahawa

seluruh rakyat khususnya rakyat di luar bandar akan menerima dan menyokong konsep Kerajaan Barisan dan juga Budget 1984 ini tidak boleh menjadi soal oleh parti Pembangkang kerana pilihanraya Negeri Sarawak (State Election) telah disediakan pada hujung tahun ini atau akhir dalam tahun 1984.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan kemerosotan harga lada hitam di pasaran dunia pada tahun 1983 ini, saya mencadangkan supaya Menteri yang bertanggungjawab akan dapat mengambil perhatian yang berat kerana kalaulah pengeluaran lada hitam ke pasaran dunia dari Malaysia telah bertambah kurang berbanding dengan dua tiga tahun yang lalu, saya telah bersetuju dengan pandangan sahabat saya dari Lambir yang bercakap dengan panjang lebar mengenai pengeluaran lada hitam ke pasaran dunia.

Tanaman lada hitam di negara kita perlu digalakkan. Kaum petani di Sarawak selain dari menanam padi mereka memanglah berhati-hati menanam lada hitam kerana tanah mereka masih luas dan subur. Tetapi oleh kerana kemerosotan harga lada hitam di pasaran dunia hari ini maka mereka terpaksa mencari pekerjaan di Brunei, Singapura dan Saudi Arabia.

Pada masa ini, lebih 40% rakyat dari negeri Sarawak telah bekerja di luar bandar kerana upah mereka bekerja di luar negeri sangat memuaskan. Ini satu langkah yang perlu diambil perhatian oleh Kerajaan supaya tanggagaji kaum pekerja di negara kita ini dapat seimbang dengan tanggagaji di negara kita ini tidak dapat diubahsuaikan maka banyaklah rakyat Malaysia khususnya rakyat dari negeri Sarawak tidak mahu pulang ke tanahair mereka dan Kerajaan kita telah rugi lebih-lebih lagi di waktu pilihanraya. Kita semua sedia maklum bahawa semasa pilihanraya dalam

tahun 1982 terdapat lebih 50% sahaja di kawasan luar-bandar di negeri Sarawak yang telah turun mengundi. Inilah sebab kerana hampir 40% rakyat kaum bumiputera di negeri Sarawak telah bekerja di luar negeri.

Tuan Yang Dipertua, masanya belum tiba iaitu Kerajaan Malaysia belum dapat meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya sepertimana di Singapura sudah meningkat menjadi International Law, dengan izin. Kalaulah rakyat di negara itu tidak turun mengundi maka rakyat itu tidak taat kepada negara dan kemudian mereka yang tidak turun mengundi itu disiasat supaya ianya akan dihalau dari Singapura. Maka negara kita Malaysia belum lagi dapat berbuat demikian. Tetapi apa yang penting walaupun masanya belum tiba, pada pendapat saya, Kerajaan Pusat perlulah memberi arahan kepada seluruh rakyat Malaysia yang bekerja sementara di luar negeri dan arahan ini perlulah melalui radio, suratkhbar ataupun Duta-duta Malaysia supaya apabila Kerajaan kita mengadakan pilihanraya Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri semua rakyat yang telah bekerja sementara di Brunei, Singapura dan di Saudi Arabia perlulah balik ke tanahair mereka supaya mereka akan dapat memilih calon yang betul bertanggungjawab kepada negara dan rakyat amnya dan saya berharap bahawa Kerajaan haruslah ambil perhatian dalam perkara ini.

Tuan Yang Dipertua, Malaysia sebuah negara yang bebas dan telah menjadi pemerintah tengah dalam dunia ini. Kerajaan kita tidak persia sesiapa pun, walaupun demikian kita perlu berhati-hati supaya semua rakyat Malaysia dapat ditetapkan di negara kita ini dengan kukuh dan tanggagaji skim pekerja dalam negara Malaysia ini perlu dikaji semula upah gaji pekerja-pekerja dsi negara kita ini dapat seimbang dengan harga barang-barang harian di masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, selain dari itu berhubung dengan penubuhan bank-bank di Malaysia. Rakyat di negara ini haruslah berterima kasih kepada Kerajaan kerana dengan bertambah lebih banyak bank-bank di negara kita ini dan lebih mudah lagi rakyat meminjam dari bank-bank tertentu, ini satu langkah yang baik. Strategi Kerajaan kita sentiasa bertanggungjawab kepada rakyat supaya rakyat yang betul-betul ingin menyertai di bidang perdagangan dan perindustrian akan digalakkan dan bank-bank tertentu boleh memberi pinjaman kepada mereka dan juga bank-bank di negara kita telah diarah supaya memberi pinjaman kepada pihak swasta supaya mereka akan dapat membangunkan negara. Langkah untuk memperkukuhkan perdagangan dan pembangunan negara.

Negara kita, Tuan Yang Dipertua, harapan rakyat khasnya kaum bumiputera di seluruh negara Malaysia amat berpuashati, kerana pada ketika ini bank-bank tertentu boleh memberi pinjaman kepada rakyat yang betul-betul ingin menyertai di bidang kontraktor dan perdagangan. Misalnya, seorang itu bekas parajurit dan telah ingin menyertai di dalam bidang kontraktor atau perdagangan ataupun joint-venture, permohonan mereka telah ditimbang oleh bank-bank tertentu. Ini satu contoh Kerajaan boleh menolong rakyat khasnya kaum bumiputera di negara ini.

Kita tinjau kepada tahun-tahun kebelakangan, semenjak lebih 20 tahun ini berapa peratuskah pembangunan seperti kedai-kedai yang dipunyai oleh kaum bumiputera di negara ini? Rakyat bumiputera memang ingin menyertai kaum bukan bumiputera di negeri ini supaya sama-sama maju di bidang perdagangan dan perindustrian. Oleh hal yang demikian, Kerajaan kita perlulah menghantar

lebih ramai lagi murid-murid yang tidak lulus peperiksaan di sekolah menengah Kerajaan supaya mereka dapat berlatih di pusat-pusat latihan Kerajaan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua, kita dapati bahawa berpuluh-puluh ribu murid-murid di seluruh negara Malaysia yang tidak lulus peperiksaan di sekolah menengah Kerajaan dan kalaulah murid-murid yang tidak lulus dalam peperiksaan ini telah dibiarkan, maka penyelewangan di negara kita akan bertambah buruk di masa akan datang. Namun demikian, Kerajaan kita perlulah ambil perhatian yang serius supaya rakyat khususnya murid-murid yang tidak lulus dalam peperiksaan di sekolah menengah Kerajaan perlulah disiasat dengan teliti supaya mereka akan dapat menampung pelajaran mereka. Selain dari itu Kerajaan kita juga perlu menambahkan Sekolah-sekolah Vokasional (vocational School), Technical School dan sebagainya dan sepatutnya sekolah tersebut perlu ditubuhkan di setiap Bahagian. Misalnya, di negeri Sarawak setiap Bahagian dibahagi kepada 7 Bahagian dan dalam satu Bahagian perlu diberi sebuah Vocational School supaya dapat memberi kemudahan kepada murid-murid yang berdekatan dan ini juga akan dapat mengurangkan perbelanjaan mereka semasa mereka masuk ke sekolah tersebut.

Berhubung dengan pinjaman luar negeri, pada pendapat saya pinjaman luar negeri perlu diteruskan, kerana negara kita sedang membangun dan kita perlu lebih banyak lagi peruntukan dari setahun ke setahun. Kalaulah pinjaman itu disalahgunakan, misalnya pinjaman itu untuk membeli senjata untuk memerangi negara lain, maka saya pun tidak bersetuju tetapi oleh kerana pinjaman-luar negeri itu untuk pembangunan negara, maka pinjaman itu perlu diteruskan.

Tuan Yang Dipertua, kita semua sedia maklum bahawa bila Yang

Berhormat Menteri-menteri menjawab soalan dalam Dewan yang mulia ini mereka mengatakan bahawa rancangan-rancangan pembangunan jalan, bekalan elektrik, bekalan air dan sebagainya yang ditumpukan kepada kawasan luar bandar akan diteruskan. Inilah harapan rakyat luar bandar, rakyat memang sedar walaupun Kerajaan kita tidak dapat memberi dengan segera tetapi rakyat juga telah sentiasa sabar dan menunggu rancangan yang telah dicadangkan oleh Kerajaan. Tidak ada di dalam dunia ini walaupun negara maju dapat memberi satu projek dengan sekali gus bahkan dengan cara berperingkat-peringkat. Kelemahan rancangan yang dicadangkan oleh Kerajaan memang sering berlaku di negara kita ini khususnya di negeri Sarawak tetapi apa yang sangat penting ialah Kerajaan kita memerlukan lebih banyak lagi manpower, orang yang cekap, orang yang ada cukup pengalaman dan juga semua pegawai-pegawai perlu diarah supaya dapat bekerjasama di antara satu sama lain supaya semua projek yang dicadangkan oleh Kerajaan akan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan krisis dalam Parti SNAP semenjak beberapa bulan yang lalu, saya minta izin membacakan:

"The New Straits Times, Kuching, Saturday: It will be a free-for-all for the SNAP National Party (SNAP) and the breakaway Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS) in the forthcoming State election. They will not use the Barisan symbol. This was announced here today by the Sarawak Chief Minister, Datuk Patinggi Haji Taib Mahmud after a meeting of the Sarawak Barisan National Council on Saturday."

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan krisis ini, saya ingin bercakap

sedikit di dalam krisis tersebut. Semenjak lebih 20 tahun SNAP ditubuhkan maka semua Jawatankuasa Tertinggi dalam parti itu telah bekerjasama kerana masa itu semua Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri telah terus menjadi Ahli Jawatankuasa Tertinggi National Council. Tetapi apabila Presiden Parti SNAP tersebut diambilalih oleh bukan keturunan bangsa Dayak Sarawak, maka krisis dalam parti tersebut bertambah buruk. Tambahan pula Jawatankuasa Tertinggi yang baru dalam parti itu calon-calon yang telah kalah dalam pilihanraya tahun 1970 dan tahun 1974 dan pandangan bangsa Dayak Sarawak bahawa parti itu sudah tidak adil dan kaum bumiputera Dayak Sarawak telah bimbang dan kami telah berunding dengan rakyat luar bandar supaya perlu atau tidak parti baru ditubuhkan di negeri Sarawak supaya ini akan dapat menjaga kepentingan rakyat di luar bandar, kerana kalau parti baru itu tidak ditubuhkan maka ramai mereka akan menyokong calon Bebas atau calon DAP di dalam pilihanraya yang akan datang. Jadi kerusi Barisan Nasional pula akan bertambah kurang di peringkat Negeri. Maka oleh sebab itu perlulah Parti Bangsa Dayak Sarawak ditubuhkan, dan parti baru itu juga perlu di dalam perintah Barisan Nasional supaya keselamatan dalam negara kita ini dapat dikawal dari semasa ke semasa.

Walaupun ada golongan dari Parti SNAP telah menentang tetapi kita dapat sokongan dari parti komponen seperti SUPP dan Parti PBB telah menyokong penuh atas kemasukan parti baru itu ke dalam Barisan Nasional dan kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada komponen parti yang menyokong khususnya Parti PBB dan Parti SUPP yang sudah memberi pandangan mereka kepada parti baru semasa mereka bermesyuarat pada bulan Ogos yang lepas.

Juga kami berharap bahawa akan semua komponen parti di seluruh Malaysia akan dapat menyokong parti baru itu masuk ke dalam Barisan Nasional kerana kerusi parti baru itu dalam Dewan Undangan Negeri kami mendapat 11 kerusi dan SNAP 6 kerusi dan di dalam Dewan yang mulia ini parti baru mendapat 7 kerusi dan SNAP 2 kerusi. Maka oleh sebab itu Parti Bansa Dayak Sarawak perlulah di dalam Barisan.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh kerana pada 30hb Oktober, 1983 ini iaitu Ketua Parti SNAP menerangkan bahawa mereka mencadangkan supaya 18 Ahli yang memenangi pilihanraya dalam tahun 1979 akan terus bertanding dan menggunakan simbol parti mereka sendiri iaitu "555", dengan izin. Apa salahnya jika Ketua Parti SNAP itu bertanding dengan 48 kerusi Ahli Dewan Undangan Negeri di negeri Sarawak kerana mereka ingin menggunakan simbol parti mereka sendiri. Tetapi bagi pihak parti Bansa Dayak Sarawak bahawa semua parti Nasional haruslah menggunakan simbol Barisan Nasional iaitu Dacing. Tetapi kami telah timbang kerana kalaulah disediakan dengan "555", dengan izin, maka ini akan dapat berpeluanglah bagi parti DAP ataupun calon Bebas masuk bertanding. Dan jika DAP dan calon Bebas dapat kemenangan maka ini telah mengurangkan kerusi Barisan dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak. Saya tidak percaya parti SNAP akan dapat kemenangan yang lebih besar dalam pilihanraya yang akan datang ini.

Tuan Yang Dipertua, kita mesti ingat, kita bimbang kalaulah Ketua Parti Barisan telah menerima cadangan Presiden Parti SNAP, Dato James Wong, kami khuatir kerusi Barisan akan bertambah kurang seperti pilihanraya dalam tahun 1982 yang

mana kerusi Barisan Nasional telah bertambah kurang masa itu.

Yang kedua, kami bimbang berhubung dengan keselamatan dalam negara dan oleh hal yang demikian Parti Bangsa Dayak Sarawak telah menerima cadangan Perdana Menteri dan cadangan Ketua Menteri Sarawak supaya dapat parti Barisan kelak menggunakan simbol Barisan.

Tuan Yang Dipertua, mengikut laporan pendaftaran Kerajaan Negeri Sarawak dalam tahun 1980 masih terdapat lebih 40% penduduk-penduduk keturunan kaum bangsa Dayak (bumiputera) iaitu Iban dan Ahli-ahli Dewan Rakyat dari 24 kerusi dalam Dewan yang mulia ini, 13 kerusi adalah terdiri dari keturunan bangsa Dayak Sarawak.

Juga dalam sejarah bahawa sebelum Malaysia ditubuhkan maka ramai bangsa Dayak/Iban Sarawak telah menjadi "tracker" dan mereka dihantar ke Tanah Melayu untuk menghapuskan komunis Malaya. Begitu juga dalam tahun 1962 bila Malaysia akan bermula dicadangkan bahawa komunis pun bergerak di negeri Sarawak. Tetapi oleh sebab bangsa Dayak Sarawak telah menjadi tulang belakang Kerajaan di negeri Sarawak dan semua bangsa Dayak Sarawak telah menyokong penuh atas penubuhan Malaysia maka adalah Malaysia hari ini.

Sejarah dalam tahun 1964 Kerajaan Indonesia yang dipimpin oleh Presiden Sukarno juga telah "mengganyang" Malaysia. Tentera Indonesia dan bersama-sama dengan TNKU (Tentera Nasional Kalimantan Utara) iaitu komunis dari negeri Sarawak dan bersama-sama komunis dari Indonesia telah menubuhkan kem-kem di sempadan Sarawak/Indonesia. Tetapi bangsa Dayak Sarawak tidak bersetuju dengan kerajaan Indonesia, maka bangsa Dayak/Iban telah berjuang

dan menentang Kerajaan Indonesia dalam tahun 1964. Mengikut dalam sejarah ini, saya fikir Kerajaan Pusat haruslah memberi pertimbangan kepada bangsa Dayak Sarawak iaitu pembangunan luar bandar perlu diperkembangkan walaupun ekonomi di dalam dunia ini telah merosot tetapi rancangan luar bandar haruslah diteruskan dan rakyat khasnya bangsa Dayak Sarawak berharap bahawa Kerajaan Pusat agar dapat menyediakan dua kali ganda peruntukan kepada rakyat di kawasan luar bandar di negeri Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan pendapatan hasil negara kita pada hari ini bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang dianggapkan sebuah negara yang sangat cepat maju kalaulah dibandingkan dengan negara lain yang sudah merdeka lebih seratus tahun. Pengeluaran minyak Malaysia dari Terengganu dan Bintulu telah bermula keluar; begitu juga gas cair Malaysia. Oleh kerana minyak di negara kita ini mungkin meningkat maka Kerajaan kita perlulah menyediakan penapis minyak (refinery) di negara ini, kemudian kita akan dapat menyimpan minyak (stock) kita. Pada masa ini oleh kerana Kerajaan kita belum dapat mendirikan refinery maka kita terpaksa menghantar minyak mentah kita kepada luar negeri walaupun harga minyak mentah kita telah jatuh di pasaran dunia. Selain dari itu Kerajaan meneruskan menghantar lebih ramai lagi rombongan dari negara Malaysia ke negara asing supaya dapat berdialog lebih rapat dengan negara-negara asing.

Tuan Yang Dipertua, mengenai pinjaman wang dari luar negeri, saya berpendapat perlu Kerajaan meneruskan kerana pinjaman itu untuk membangunkan negara dan dapat menambahkan lagi hasil di masa depan negara kita, bahkan negara maju masih lagi meminjam wang dari

bank-bank untuk membangunkan negara.

Fasal hutang negara, Tuan Yang Dipertua, yang telah bertambah besar dari setahun ke setahun seperti apa yang dicadangkan oleh parti DAP itu sebenarnya adalah mengikut pertambahan population kita, yang bertambah besar mungkin hutang pun bertambah juga. Memang sudah menjadi kebiasaan negara-negara yang sedang membangun, Kerajaan kita perlu meminjam wang dari luar negeri untuk memelihara rakyat kita di masa hadapan khususnya untuk membantu rakyat kaum petani yang masih ketinggalan di bidang perdagangan dan perindustrian supaya dalam tahun 1990 bahawa rakyat kaum Bumiputera di seluruh negara akan dapat mencapai 30% dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, menyentuh pelajaran di luar negeri, pada pendapat saya walaupun negara Malaysia telah ada lima buah universiti dan sebuah lagi akan dibina, tetapi pelajaran di seberang laut harus perlu digalakkan supaya murid-murid kita di seberang laut akan dapat bertukar fikiran dengan murid yang datang dari negeri yang lain dan cara memilih murid-murid yang hendak belajar ke seberang laut pun perlu dipertimbangkan supaya ianya dipilih dari tiap-tiap negeri dalam Malaysia. Misalnya, Tuan Yang Dipertua, dari Sabah 5, Sarawak 6, Pulau Pinang 7, Wilayah Persekutuan 8, Terengganu 3, Kedah 4 dan sebagainya. Kalaulah cara memilih murid yang belajar ke seberang laut setimpal maka setiap negeri yang dalam Malaysia ini sangat puas hati. Oleh hal yang demikian, saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan ambil perhatian berat dengan cara-cara memilih murid-murid yang hendak belajar ke seberang laut.

Akhirnya, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 ini.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Kinta.

6.19 ptg.

Tuan Lim Liang Seng (Kinta): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua, kerana diberi peluang berucap.

Tuan Yang Dipertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan terhadap Rang Undang-undang Perbekalan 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 21hb Oktober yang lalu serta memberi sedikit sebanyak pandangan saya dalam beberapa perkara.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan atas pembentangan Belanjawan 1984 ini yang mana telah mendapat sambutan baik dan pujian dari seluruh lapisan masyarakat.

Pada keseluruhannya Belanjawan ini telah disifatkan sebagai realistik dan tidak menyulitkan rakyat yang berpendapatan rendah.

Kepada saya terdapat tiga perkara dari ciri-ciri belanjawan 1984 yang agak menonjol sekali:

Pertama, Belanjawan ini menunjukkan bahawa Kerajaan akan meneruskan usaha-usahanya untuk mengubahsuai strukturnya kepada dasar dan program Kerajaan yang bertujuan untuk mengurangkan deficit imbalan pembayaran serta mengukuhkan lagi kedudukan kewangannya.

Kedua, dalam mengurangkan perbelanjaan melalui pengubahsuaian serta penjadualan semula program-program untuk melindungi ekonomi negara, Kerajaan telah cuba dengan sedaya upaya bagi memastikan supaya program sosio-ekonomi negara tidak akan terjejas terutamanya kebajikan rakyat dari golongan yang berpendapatan rendah.

Ketiga, langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki perdagangan dan untuk menambah hasil Kerajaan tidak akan menambahkan beban ke atas golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat bahawa keazaman dan usaha-usaha Kerajaan untuk meneruskan pengubahsuaian struktur kepada dasar dan program yang bertujuan untuk mengurangkan deficit imbangan pembayaran serta untuk mengukuhkan lagi kedudukan kewangan negara adalah patut diberi pujian dan hendaklah diberi sambutan baik serta sokongan sepenuhnya oleh setiap rakyat. Cuma sebuah Kerajaan yang penuh bertanggungjawab dan bersifat 'Bersih, Cekap dan Amanah' sahaja mempunyai keazaman politik untuk berbuat demikian, demi untuk kepentingan negara jangka panjang.

Tuan Yang Dipertua, padahal memandangkan latar belakang keadaan dan environment ekonomi dunia masa sekarang ini negara-negara membangun tidak ada apa-apa alternative atau pilihan melainkan untuk mengadakan pengubahsuaian ekonomi yang besar dan hebat, mengurangkan penggunaan peribadi dan perbelanjaan Kerajaan supaya sumber-sumber untuk pelaburan dan pengeksportan dapat diadakan. Sesungguhnya pengubahsuaian adalah tema yang popular dan sesuai bagi semua negara membangun pada masa sekarang ini. Walau bagaimanapun, adalah menjadi harapan saya bahawa

dalam mengadakan langkah-langkah ini Kerajaan akan terus bersikap berhati-hati serta menggunakan pendekatan dan strategi yang seimbang.

Saya ingin menyatakan sokongan saya yang penuh kepada pandangan-pandangan beberapa orang pakar yang mengatakan bahawa langkah-langkah perlu diambil untuk mengurangkan saiz hutang luar dan juga pandangan bahawa campuran atau saduran modal ekuiti dan aliran masuk pinjaman dengan izin, the mix of equity capital and loan inflows haruslah disemak semula. Ini adalah penting sebagai satu langkah untuk mengukuhkan lagi kedudukan kewangan kita.

Tuan Yang Dipertua, baru-baru ini sebuah negara ASEAN telah mengadakan satu langkah untuk menurunkan nilai matawangnya, akan tetapi langkah ini tidak memberi kesan yang dihajati dan tidak dapat mengatasi masalah-masalah ekonominya. Lantaran itu sebarang percubaan untuk mengikuti jejak ini adalah kurang sesuai dan wajar. Saya mengatakan demikian oleh kerana ketika ini terdapat juga pandangan dari kalangan pakar ekonomi yang berpendapat bahawa salah satu langkah untuk mengatasi masalah ekonomi dan kewangan kita adalah dengan menurunkan nilai ringgit berbanding dengan matawang rakan dagangan utama Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, kita telah diberitahu oleh Menteri Kewangan yang pertanian akan terus menjadi asas utama ekonomi kita untuk beberapa tahun yang akan datang. Sektor ini mengandungi kumpulan isi rumah yang berpendapatan rendah yang paling tinggi. Kira-kira 2/3 daripada jumlah pekebun-pekebun kecil memiliki tanah kurang daripada 2 hektar. Menyedari tentang kesusahan pekebun-pekebun kecil ini khususnya usaha-usaha Kerajaan akan dipertingkatkan untuk

mengadakan galakan-galakan serta juga kemudahan-kemudahan yang lebih banyak dan lebih baik untuk membantu mereka menambah pendapatan—saya menyokong langkah-langkah ini.

Walau bagaimanapun memandangkan satu kenyataan akhbar baru-baru ini yang meramalkan kemungkinan Indonesia mendahului Malaysia sebagai pengeluar getah yang pertama, saya berharap Malaysia hendaklah juga menumpukan perhatian dan usahanya yang lebih di dalam penyelidikan-penyelidikan jangka panjang di dalam perusahaan ladang, jika sekiranya negara kita ingin mengekalkan kedudukan yang mendahului negara-negara lain di dalam pengeluaran getah dan kelapa sawit dan juga ingin menduduki kedudukan yang tinggi pada tahun 2000. Penyelidikan ini adalah perlu untuk mengatasi masalah dan cabaran yang akan timbul dalam perusahaan ladang yang berkemungkinan menjejaskan pengeluaran bahan-bahan utama negara kita dengan berkesan. Adalah diramalkan bahawa pada tahun 2000 Malaysia akan cuba mendahului Thailand dengan sedikit sahaja sementara Indonesia akan tidak jauh ke belakang menduduki kedudukan ketiga, jika sekiranya kadar menurun yang kurang 2% bagi pengeluaran getah di Malaysia itu berterusan. Bagi kelapa sawit dan gambarannya adalah lebih menyenangkan. Malaysia telah menduduki tempat pertama sejak tahun 1980 lagi dan dijangka akan berada jauh di hadapan dalam pengeluaran kelapa sawit pada tahun 2000 dan selepas tahun itu.

Tuan Yang Dipertua, semasa menyentuh Perbelanjaan Mengurus Belanjawan 1984, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa Perbelanjaan Mengurus akan terus diperkemas sebagai langkah yang berterusan untuk

memperteguh lagi kedudukan kewangan kita untuk cost—effectiveness ataupun untuk mencapai hasil yang lebih berkesan dari perbelanjaan yang terhad. Dasar fiskal atau belanjawan adalah bertujuan untuk mencapai lebih dalam akaun semasa supaya kita dapat menggunakan lebih ini untuk membantu kita membiayai Perbelanjaan Pembangunan. Ini sudah tentu membantu kita mengurangkan pinjaman. Kepada saya ini bererti kita hendaklah menyedari serta mengenalpastikan kelemahan-kelemahan kita sama ada pentadbiran, dasar ataupun perancangan supaya kita dapat mencari jalan atau ikhtiar untuk mengatasi kelemahan-kelemahan itu. Adalah juga perlu kita mengubah sikap kerja dan cara pemikiran kita mengenai sesuatu. Sesungguhnya ramai telah menyatakan pendapat bahawa dalam jangka panjang cabaran kepada semua negara membangun adalah untuk menggunakan sumber-sumber mereka yang terhad secara lebih berkesan dan saksama. Setiap Kerajaan menghadapi satu cabaran iaitu apa juga objektif-objektif politiknya sekalipun matlamat Kerajaan itu adalah untuk mencari jalan yang paling baik dan berkesan bagi mencapai objektif-objektif itu. Banyak bukti telah didapati dari mana-mana sahaja dan memperlihatkan seberapakah manfaat atau keuntungan boleh diperolehi melalui keberkesanan atau efficiency yang lebih

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat masa sudah cukup. Sila sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya agak masih banyak lagi Ahli-ahli yang hendak berucap dan sebagaimana saya telah sebutkan, saya mitalah pada besok hari dan selepas daripada itu dalam masa perbahasan dasar ini tiap-tiap Ahli berucap tidak lebih daripada 20 minit. Saya rasa 20 minit cukup

11349

31 OKTOBER 1983

11350

memadai dan jika sekiranya tiap-tiap Ahli berucap selama 20 minit, saya rasa boleh kita memberi peluang kepada ramai Ahli-ahli yang hendak berucap.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.